



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

*Senate*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL KEDUA

*Second Session*

Jilid II Bil. 10

Hari Khamis

6hb Ogos, 1992

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan  
(1991 dan 1992)(No.2)

(Ruangan 38)



DN.6.8.92

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 6hb. Ogos, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI BERTANYAAN-PERTANYAAN.

PEMBUANGAN SISA-SISA PEPEJAL - SISTEM PENGURUSAN

1. **Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah suatu langkah lebih berkesan akan diambil dalam membanteras pencemaran pembuangan sisa-sisa seperti tin-tin kosong, dan sebagainya yang setengah-setengah tempat begitu ketara membayangkan sebahagian rakyat negara ini tidak prihatin dalam usaha-usaha Kerajaan membangunkan negara ini.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan sampah-sarap seperti tin-tin kosong dan sebagainya adalah di dalam bidangkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pada tahun 1988, Kementerian berkenaan telah menyediakan satu dasar negara jangka panjang yang dikenali sebagai Dasar Kebangsaan Bagi Pengurusan Sisa-sisa Pepejal. Objektif Dasar Kebangsaan ini ialah untuk membentuk menjelang tahun 2010 suatu sistem pengurusan sisa-sisa pepejal bagi seluruh negara yang seragam, mempunyai keberkesanan kos, tidak mencemarkan alam sekitar dan diterima oleh masyarakat bagi meningkatkan imej Malaysia sebagai sebuah negara bersih dan indah.

Dalam usaha untuk mencapai objektif dasar ini, suatu pelan tindakan telah disediakan pada tahun 1988 iaitu untuk tempoh sehingga tahun 1995. Pelan tersebut bukan sahaja untuk meningkatkan tahap pengurusan dan keberkesanan pengurusan sisa-sisa pepejal, malah ia juga menekankan aspek-aspek pendidikan awam untuk menyedarkan masyarakat tentang penglibatan mereka dalam menjaga kebersihan.

Buku dan filem video mengenai sampah sarap telah diterbitkan untuk diedarkan di sekolah-sekolah kerana mereka telah dikenalpasti sebagai kumpulan sasaran yang boleh mempengaruhi keluarga mereka dalam mendisiplinkan diri terhadap penjagaan kebersihan. Pendidikan awal ini juga akan dapat membentuk peribadi yang murni dan menanam semangat cintakan kebersihan apabila mereka dewasa.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa memberi kerjasama dalam bentuk input teknikal kepada Kementerian berkenaan supaya pengurusan terhadap buangan tersebut diuruskan dengan selamat dan berkesan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bercadang untuk mengurangkan penggunaan barang-barang daripada bahan plastik, kerana difahamkan bahawa barangan plastik ini adalah sukar untuk dilupuskan dan memakan tempoh raasa pelupusan yang panjang. Apakah ada suatu kaedah atau cara untuk Kerajaan melupuskan bahan-bahan plastik ini dengan lebih cepat pelupusannya?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang menyedari perlunya untuk mengadakan suatu pelan tindakan keseluru-

hannya seperti yang telah saya nyatakan dalam jawapan asal tadi untuk menguruskan sampah-sarap yang terdapat khasnya di dalam bandar-bandar besar.

Tentang pelupusan plastik ini, memanglah menjadi hasrat kedua-dua Kementerian ini untuk melaksanakan suatu tindakan supaya plastik-plastik ini boleh diuruskan secara guna semula atau recycling. Buat masa sekarang, kita masih dalam tahap untuk berbincang dengan pihak-pihak yang berkenaan khasnya firma-firma swasta sama ada pelan atau tindakan ini boleh diambil untuk recycle bahan-bahan plastik di masa akan datang.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-pertua, saya gembira kerana dalam jawapan sebentar tadi bahawa kita mempunyai dasar dalam perkara ini dan juga disebut bahawa kita ada pelan tindakan. Tetapi di dalam pelan tindakan yang disebut sebentar tadi, memberi pendidikan kepada murid-murid dan sebagainya, saya lihat tidak ada di dalam pelan tindakan itu disebut tentang penguatkuasaan iaitu kalau sekiranya orang ramai tidak mematuhi peraturan, membuang sampah merata-rata, tentulah kita kena kuatkuasakan, kalau tidak dasar kita tidak akan berjaya. Sebab saya rasa penguatkuasaan itu penting. Jadi, soalan saya, apakah dalam pelan tindakan ini soal penguatkuasaan tidak dimasukkan?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memanglah tindakan penguatkuasaan adalah merupakan sebahagian dari pelan tindakan ini.

Kita memang sedar bahawa di bawah undang-undang yang sedia ada, khasnya Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171), Akta ini adalah berkesan apabila dikuatkuasakan dan kita sentiasa sedar dan mengambil perhatian tentang perkara ini.

**LEBUHRAYA UTARA SELATAN KEKAIKAN KADAR BAYARAN TOL**

**2. Datuk' Tan Tiew Bock** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pihak PLUS telah memutuskan mempertingkatkan kadar bayaran tol di sepanjang Lebuhraya Selatan-Utara sebanyak lima puluh peratus mulai dari 1hb. Januari 1992, jika ya.

- (a) adakah kadar kenaikan bayaran ini dianggap wajar dan tidak menjejaskan kepentingan orang ramai;
- (b) sebab apa pihak PLUS minta kenaikan bayaran ini mesti dilakukan, dan sebab apa Kabinet meluluskan permintaannya dengan mudah saja; dan
- (c) apa langkah telah dan akan diambil untuk mengelak dari berulang lagi kelewatan pembinaan projek-projek kerja raya kelak.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Leo Moggie anak Irok]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kerja Raya telah menerima dari PLUS Berhad untuk menaikkan kadar bayaran tol di Lebuhraya Utara-Selatan berkuatkuasa mulai dari 1hb. Januari 1993. Kadar kenaikan tol seperti yang dicadangkan itu ialah sepertimana yang diperuntukkan di dalam Perjanjian Konsesi Lebuhraya Utara-Selatan la ditandatangani pada 18hb. Mac 1988. di antara Kerajaan Malaysia dengan United Engineers Malaysia Berhad. Cadangan kenaikan kadar bayaran tol adalah berbeza-beza mengikut kelas kenderaan Sebagai contoh

bagi tahun 1993 kenderaan kelas tiga tidak terlibat dalam kenaikan kadar tol tersebut bagi lebuh raya yang memakai sistem tol tertutup. Untuk kelas kenderaan yang lain, bagi kelas satu dari 5 sen sekilometer ke 7.5 sen per kilometer. Kelas dua dari 10 sen hingga 12.5 sen per kilometer, kelas empat 2.5 sen ke 3.75 sen. Bagi kelas .5, 5 sen sekilometer ke 6.25 sen per kilometer.

- (a) Pada pendapat Kerajaan kenaikan bayaran tol yang dicadangkan itu adalah wajar dan diperlukan bagi pihak syarikat konsesi meneruskan pembinaan dan penyelenggaraan Lebuh raya Utara-Selatan. Ianya juga adalah setimpal dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan di Lebuh Raya Utara-Selatan,
- (b) Permohonan PLUS Berhad untuk menaikkan kadar bayaran tol bagi tahun 1993 adalah selaras dengan peruntukan Perjanjian Konsesi yang telah saya terangkan tadi. Kerajaan telah meneliti dengan halusi, bukannya secara mudah sahaja untuk mempersetujuinya seperti yang dianggapkan oleh Yang Berhormat. Sekiranya Kerajaan tidak membenarkan kenaikan kadar tol, maka ini akan mengakibatkan kekurangan dalam rebalans kutipan hasil bagi syarikat yang terlibat dan mengikut Perjanjian Konsesi pihak PLUS boleh meminta pampasan dari Kerajaan akibat dari tindakan tidak membenarkan kenaikan itu.
- (c) Mengikut program asal Lebuh raya Utara-Selatan dan Lebuh raya baru Lembah Kelang akan disiapkan secara keseluruhannya pada akhir tahun 1995. Walau bagaimanapun, pihak PLUS Berhad telah mempercepatkan jadual siapnya kepada awal tahun 1994. Ini bermakna pembinaan lebuh raya di negara kita ini tidak mengalami sebarang kelewatan.

**Tuan Haji Azman Atar bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat jawapan soalan tambahan saya daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Dari soalan (a) , ada kaitan, adakah tindakan Ketua Pembangkang baru-baru ini tidak membayar tol, satu daripadanya kerana dia cuba memprotes kenaikan bayaran tol yang dipohon oleh PLUS? Yang kedua, adakah tindakan dia itu kerana dia geram hendak balas dendam terhadap Dato' Samy Vellu dulu tidak dapat, dia balas dendam terhadap Dato' sebagai Menteri Kerja Raya yang mengambilalih daripada Kementerian Dato' Samy Vellu?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan. Yang di-Pertua, yang sebenarnya. Yang Berhormat. Senator tersebut memang ada membangkitkan scialan berkaitan dengan keengganan Ketua Pembangkang Encik Lirn Kit Siang membayar tol pada soalan 25 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada petang ini. Walau bagaimanapun, sebagai menjawab awalnya, sukalah saya menerangkan bahawa mungkin Yang Berhormat Lim Kit Siang itu cuma hendak sengaja mengambil publisiti sahaja.

**Tuan Haji Azman Atar bin Othman:** Yang nombor dua. Soalan nombor ;dua.

**Datuk Leo Moggie anak Irok :** Yang nombor dua itu, saya tidak sedar bahawa kedudukan bekas Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ada terlibat dalam soalan ini. [Ketawa]



**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tidak tahu dalam konsesi ini berapa tahun telah diberikan kepada PLUS. Soalan saya kalau sekiranya sebelum tempoh konsesi itu habis, maka segala kos awal telah dapat dibayar, apakah ada peruntukan dalam konsesi itu supaya tol ini diturunkan harganya?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, konsesi ini ialah sepanjang 30 tahun. Walau bagaimanapun, dalam konsesi itu memang ada peruntukan syarat-syarat di mana syarikat boleh memohon kenaikan kadar bayaran tol terpulang juga kepada Kerajaan untuk menimbang dan menetapkannya sebelum dapat dibenarkan.

**Jen. (B) Tan Sri Dato Mohd. Ghazali bin Dato Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kenaikan perabayaran tol itu mengikut formula seperti mana yang digunakan juga tol-tol di luar negeri dari segi experience mereka, maksud saya itu setimpal dengan kenaikan itu ataupun kenaikan tol kita di sini hanya mengikut kehendak kita oleh kerana perbelanjaan kita melalui PLUS itu lebih ataupun tidak? Terima kasih.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, satu-satu concession agreement dengan izinnya, memberi cara-cara bagaimana kenaikan atau perubahan tol itu boleh dilayankan atau boleh ditimbangkan. Jadi, tidaklah semua concession agreement itu serupa. Walau bagaimanapun, di waktu kita menetapkan cara untuk mengira kadar kenaikan yang boleh dipertimbangkan, beberapa perkara perlu juga diteliti seperti kenaikan harga-harga barang, kenaikan

harga-harga pembinaan dan juga dari segi kenaikan cost of living, dengan isinnya, dati setelah kita mempersetujui syarat-syarat dan formula yang terlibat ini, barulah kita boleh menandatangani perjanjian antara Kerajaan dengan syarikat yang terlibat.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di Pertua soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kenaikan bayarah tol ini juga akan melibatkan tol di Cheras? Yang keduanya, oleh kerana kadar tol telah naik, apakah pihak Kementerian telah mengarahkan pihak PLUS supaya memperbaiki mutu jalan raya dan juga memasang di sepanjang jalan supaya memudahkan perjalanan di waktu malam?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, tol di Cheras ialah suatu tol yang berasingan dari tol Lebuhraya Utara-Selatan, oleh itu ianya tidaklah melibatkan tol tersebut.

Bagi jawapan kepada soalan yang kedua itu tadi, saya minta maaf kerana lupa apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

**Tuan Rahim bin Baba:** Adakah pihak Kerajaan mengarahkan pihak PLUS supaya memasang lampu di sepanjang lebuhraya untuk memberikan keselesaan kepada pemandu-peraandu di waktu malam.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah hasrat Kerajaan dan juga rakyat negara kita ini untuk dapat menikmati kemudahan infrastruktur yang berkualiti tinggi. Oleh itu dari segi Lebuhraya Utara-Selatan inipun kita berkehendakan syarikat yang terlibat untuk senantiasa membuat 'maintenance work' bagi lebuhraya tersebut. Walau bagaimanapun, kita tidaklah boleh mewajibkan mereka memasang lampu di sepanjang lebuhraya tersebut oleh kerana ianya akan memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan sudah tentu akan melibatkan kemungkinan kita mengubah seraula kadar tol di lebuhraya yang terlibat itu juga. Ini mungkin akan menyusahkan pengguna-pengguna lebuhraya lagi. Oleh sebab itu, kita tidak ada memberi ketetapan atau kemestian bagi memasang lampu-lampu di lebuhraya ini,

## PROJEK HIDRO PERGAU - KERUGIAN TNB

3, **Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh pihak TEN akibat daripada sekatan jalan-jalan masuk ke Projek Hidro Pergau yang dikenakan oleh Kerajaan PAS di Kelantan baru-baru ini dan
- (b). apakah Kementerian bercadang untuk menuntut kembali kerugian yang dialami oleh TEN daripada Kerajaan Kelantan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Kerjaya Balfour Beatty Cementation, yang melaksanakan Projek Hidro Elektrik Pergau mula melaksanakan projek tersebut sejak pertengahan tahun 1991. Sejak ia dimulakan, pihak Kerajaan Negeri Kelantan telah mengenakan sekatan pada dua ketika; yang pertamanya, awal-tahun ini; yang keduanya, pada bulan Julai tahun ini. Walau bagaimanapun, kesemua sekatan yang dibuat pada bulan Julai telahpun diturunkan pada 15hb Julai baru-baru ini. Oleh kerana kesemua masalah telahpun diselesaikan, maka pada 4hb. Ogos yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad telahpun menandatangani perjanjian yang diperlukan untuk meneruskan pelaksanaan projek ini.

- (a) Jumlah kerugian yang dialami akibat sekatan-sekatan yang dikenakan itu tidak dapat ditentukan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad pada ketika ini oleh kerana butir-butir tuntutan daripada pihak Kerjaya Balfour Beatty Cementation ke atas sekatan jalan raya tersebut masih belum dikenalpasti secara keseluruhannya.

- (b) Perkara tuntutan ini akan dirundingkan antara Tenaga Nasional Berhad dengan Kerajaan Negeri Kelantan setelah pihak KBBC mengemukakannya kepada pihak TNB.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memohon pandangan Kementerian Kewangan, dengan termeterinya perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan mengenai Projek Hidro Pergau ini, soalan saya, apakah ini membuktikan bahawa Kerajaan Persekutuan adalah merupakan sebuah Kerajaan yang adil dalam pemerintahannya bersesuaian dengan kehendak Islam dan tidakkah ini merupakan satu perjanjian yang penuh bertimbang rasa dan berbudi bahasa yang baik walaupun peraimpinnya tidak bergelar "Ulama"?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sangat sangatlah. [Ketawa]

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada bercakap tentang Kerajaan Kelantan sehingga sekarang masih lagi mempunyai hutang tertunggak kepada Kerajaan Persekutuan sebanyak \$810 juta sehingga 30hb Julai. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu 'contra account:', dengan izin, pernbayaran pampasan daripada TEN dibayar terus kepada Kerajaan Pusat sebagai sebahagian daripada bayaran hutang yang tertunggak? Ini kerana pada pendapat saya, Kerajaan Kelantan tidaklah perlu sangat wang tersebut kerana mereka cuma bercadang untuk memasukkan ke dalam satu tabung khas yang dinamakan Tabung Warisan yang akan ditubuhkan dan juga untuk membayar elaun-elaun tambahan kepada guru-guru agama yang mereka janjikan pada masa pilihanraya dahulu.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya ingin ditegaskan bahawa jumlah pampasan tidak boleh ditentukan ketika ini sehingga pihak KBBC mengemukakan tuntutan kepada TEN. Yang keduanya, walau apapun keadaan Kerajaan pada masa ini tidak mempunyai cadangan untuk mengadakan contra-account seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi. Contra-account yang dimaksudkan itu ialah untuk mengambil sebahagian daripada wang pampasan bagi menjelaskan wang pinjaman yang tertunggak. Kerajaan tidak ada rancangan untuk mengadakan, contra-account tersebut.

**Tuan Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini bagus, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya membuat soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau Yang Berhormat jawab setuju tadi kepada soalan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha, bagaimana pula soalan saya, sama ada Yang Berhormat jawab bersetuju atau tidak? Perbuatan Kerajaan PAS menghalang Projek Hidro di Pergau ini, saya rasa lebih kurang macam cara penyamun atau lanun, sama ada bersetuju atau tidak? [Ketawa]

**Tuan Mustapa bin Mohamed;** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah selesai dengan baik. Jadi, tak perlu ulasan lanjut. Di ketika itu memang kedua-dua pihak "hati panas" dan pada masa itu antara perkataan-perkataan, yang digunakan termasuklah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. [Ketawa]

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, perbuatan meletak halangan dalam projek Pergau ini bukan sahaja

merupakan satu kesalahan daripada segi perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan Kelantan dengan TEN, tetapi ia merupakan juga perbuatan yang salah disabitkan di bawah undang-undang Malaysia kita. Jadi, saya ingin bertanya apakah dalam pengetahuan Yang Berhormat bahawa ada laporan yang dibuat kepada polis untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang membuat kesalahan bersabit di bawah undang-undang lain daripada apa yang ada dalam perjanjian itu. Apakah pihak TEN akan mengambil tindakan ini, sebab saya tak mahu seperti Yang Berhormat. Menteri jawab tadi bahawa Lim Kit Siang kerana dia Opposition, jadi dia hendak publisiti, kita tak payah ambil tindakan, saya tak mahu macam itu. Dia buat silap, dia Opposition, dia kena dakwa dalam mahkamah. Jadi, saya ingin tahu sama ada TEN akan ambil tindakan ataupun tidak?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak TEN tidak mempunyai apa-apa rancangan seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Yang ada pada masa ini ialah satu peruntukan di bawah perjanjian yang ditandatangani antara pihak TEN dengan Kerajaan Negeri Kelantan, iaitu Fasal 10 perjanjian yang ditandatangani pada 4hb. Ogos yang lalu di mana Kerajaan Kelantan diminta memberi pengakuan tidak akan mengganggu pelaksanaan projek ini di masa hadapan dan pihak TEN berpuas hati dengan pengakuan tersebut. Bukan sahaja pihak TEN tetapi kedua-dua pihak iaitu pihak Kerajaan Negeri Kelantan dan pihak TEN sudahpun bersetuju dengan kesemua kandungan perjanjian, oleh itulah maka ditandatangani pada 4hb Ogos yang lalu. Oleh itu, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tidak berbangkit pada ketika ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi.

**Tuan Johan B.O.T. Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan yang ke 4.

**FELDA - HAKMILIK TANAU KEPADA PENEROKA**

4. **Tuan Johan B.O.T Ghani [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri "Pembangunan Luar Bandar menyatakan bilakah matlamat memberikan hakmilik tanah kepada peneroka-peneroka FELDA akan mencapai sasarannya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Mohd. Yasin bin Kamari]:** Tuan Yang di-Pert.ua, surat-surat hakmilik bagi tanah-tanah yang diuntukkan kepada peneroka-peneroka adalah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan di mana rancangan itu berada. FELDA akan mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri supaya dikeluarkan hakmilik kepada peneroka sebaik sahaja peneroka menyelesaikan bayaran kembali kepada Kerajaan Negeri dan FELDA. Lazimnya surat-surat hakmilik akan dapat disediakan dalam jangka masa setahun setelah permohonan mendapatkan hakmilik dikemukakan kepada Kerajaan Negeri..

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, apabila sahaja hakmilik telah diberi kepada peneroka-peneroka adakah peneroka ini boleh menjual kebunnya kerana telah mempunyai hakmilik?



**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Tidak.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya berkenaan dengan amalan Kementerian dan Kerajaan. Kita tahu bahawa ramai juga peneroka FELDA ini merupakan orang yang kuat menyokong parti pembangkang PAS. Apakah dalam pemberian hakmilik ini kita berlaku adil beri kepada semua ataupun kita ada syarat pula kalau dia tidak menyokong parti kita, kita tidak akan beri hakmilik? Itu soalnya.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang amat adil, maka itu dalam pembahagian hakmilik pembahagiannya akan dilaksanakan secara adil juga.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah nilai wang yang harus dibayar oleh tiap-tiap seorang peneroka kepada Kerajaan Negeri tentang harga premium tanah?

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Premium tanah ini bergantung kepada Kerajaan Negeri masing-masing.

#### PEJABAT JPJ DI SANDAKAN - CADANGAN PEMBINAAN

5. **Tuan Johan B.O.T Ghani** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian Pengangkutan bercadang untuk membina sebuah Pejabat JPJ Sandakan, Sabah memandangkan pejabat dan kawasan yang ada sekarang ini sudah tidak sesuai lagi untuk digunakan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan memang menyedari masalah yang sedang dihadapi oleh Pejabat JPJ di Sandakan tersebut. Sebagai tindakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam pihak JPJ telahpun diarahkan supaya mengenalpasti bangunan yang sesuai untuk dipindahkan Pejabat JPJ berkenaan. Walau bagaimanapun buat sementara waktu JPJ sedang mengambil tindakan untuk mengubahsuai bangunan JPJ yang sedia ada termasuk membina kaunter baru bagi peraaangan komputer.

**PEKERJA ASING TANPA IZIN - JUMLAH**

6. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sehingga sekarang jumlah pekerja tanpa izin yang ada dalam negara kita;
- (b) jumlah yang telah mendaftar sehingga 30 Jun 1992;
- (c) jumlah pekerja tanpa izin yang telah ditangkap sejak operasi Nyah I & II; dan
- (d) apakah tindakan Kerajaan terhadap majikan-majikan yang sama ada tidak mendaftar ataupun menghadapi kesuntukan masa untuk mendaftar pekerja tanpa izin.

10.8.92

1. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Ops Nyah II berjaya sepenuhnya ataupun tidak, dan tidakkah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan masa "amnescy" terhadap orang-orang yang belum didaftarkan itu.

25. **Tuan Haji Shuib bin Shawal** minta Menteri "Dalam Negeri menyatakan berapa ramai pendatang tanpa izin:

- (a) yang telah mendattarkan diri raereka sehingga 30hb Jun, 1992 .senaraikan mengikut negara;
- (b) mereka yang tidak mendaftar dan dapat ditangkap - senaraikan mengikut negara; dan
- (c) berapa ramai di antara mereka yang telah ditangkap dan dihantar pulang ke negara asal mereka. Senaraikan rnegikut negara.

32. **Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa permit kerja telah dikeluarkan kepada pendatang-pendatang tanpa izin; dan
- (b) berapa pendatang tanpa permit kerja ditahan dan dikembalikan ke negara mereka dalam bulan Jun tahun ini.

60. **Tuan Saad bin Haji Man** mihta Menteri Dalam Negeri menyatakan sehingga 30hb Jun, 1992 berapa ramaikah jumlah pekerja-pekerja pendatang tanpa izin yang ada di Malaysia yang berdaftar dengan Jabatan Imigresen. Daripada. jumlah yang telah berdaftar, sila berikan pecahan mengikut sektor berikut:

- (a) sektor pembinaan;
- (b) sektor pembantu rumah;
- (c) sektor pertanian dan perladangan; dan
- (d) sektor perniagaan.

Dan selepas daripada tarikh tutup pendaftaran di atas berapakah jumlah sehingga hari ini pendatang tanpa izin yang tidak berdaftar yang telah dihantar pulang ke negara mereka.

43. **Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan menyekat beribu-ribu rakyat asing terlepas masuk ke negara ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini hampir serupa dengan lima soalan lain, izinkan saya menjawabnya bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

- (a) Y.B. Tuan Ho Cheng Wang pada 10.8.1992.
- (b) Y.B. Dato' Azumu bin Tak pada 10.8.1992.
- (c) Y.B. Tuan Saad bin Haji Man pada 10.8.1992.
- (d) Y.B. Tuan Haji Shuib bin Shawal pada 10.8.1992; dan
- (e) Y.B. Tun Haji Ghazali bin Embong pada 11.8.1992.

Jumlah pekerja asing tanpa izin (PATI) yang ada dalam negara tidaklah dapat dipastikan oleh kerana kehadiran mereka adalah secara tidak teratur. Sehingga 30.6.1992 seramai 353,739 orang daripada mereka telah berdaftar di Jabatan Imigresen Malaysia, terdiri daripada 205,545 orang dalam sektor binaan, 105,242 orang dalara sektor ladang dan 42,952 orang dalam sektor perkhidmatan pembantu rumah. Bilangan PATI dalam sektor perkilangan dan lain-lain perkidmatan yang melapor belum diketahui kerana Jabatan

Imigresen Malaysia sedang memprosesnya dan adalah dianggarkan lebih kurang 100,000 orang.

PATI yang berdaftar atau melapor akan dikeluarkan pas kerja apabila memenuhi syarat-syarat imigresen, antaranya mengemukakan dokumen perjalanan (pasport) yang sah dan menjalani pemeriksaan kesihatan. Setakat ini 409 orang telah dikeluarkan pas kerja yang mana semuanya pas kerja jenis baru berbentuk kad kredit.

Kerajaan tidak akan melanjutkan lagi tempoh mendaftar atau melapor kerana tempoh yang diberi iaitu selama enam bulan adalah mencukupi.

Setakat ini Kerajaan tidak dapat memastikan bilangan PATI yang tidak mendaftar atau melapor. Mereka ini sedang dikesan oleh pihak Polis dan Imigresen, dalam operasi yang dipanggil Ops Nyah II. Sehingga 31 Julai 1992 seramai 3,192 orang PATI telah ditahan dan daripada jumlah tersebut seramai 30 orang telahpun diusir keluar.

Sementara itu Kerajaan juga turut bertindak menyekat kemasukan pendatang tanpa izin yang baru, yang cuba menyeludup masuk ke negara ini. Bagi maksud ini, Ops Nyah I dilancarkan yang mana dalam tempoh lapan bulan tahun ini seramai 115,748 orang PATI ditangkap kerana cuba masuk ke negara ini dan daripadanya, 15,172 orang telah diusir keluar.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak akan bertolak ansur lagi dengan majikan yang masih menggunakan khidmat PATI. Tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang mana jika sabit kesalahan majikan

sebegini boleh dihukum denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk mencegah kemasukan orang-orang asing secara tidak teratur ke negara ini. Antaranya ialah:

- (a) meningkatkan rondaan dan kawalan di kawasan perairan dan sempadan negara.
- (b) mengambil tindakan undang-undang terhadap PATI dan orang-orang yang bersubahat membawa masuk mereka ke negara ini.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini adalah satu gejala yang amat serius, iaitu saya raengetahui bahawa banyak rungutan dari majikan-majikan mengenai pekerja-pekerja yang menghilangkan diri selepas sahaja didaftarkan. Jadi ini tidaklah menolong matlamat untuk hendak menampung kekurangan pekerja, saya sendiripun kena tipu. Jadi saya minta apakah tindakan, sama ada Kerajaan sedar dan apakah tindakan yang akan diambil?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, mendaftar sahaja dengan pihak Imigresen belum mencukupi untuk seseorang pendatang asing itu boleh bekerja di negara ini. Setelah mendaftar majikan terpaksa membereskan pembayaran-pembayaran yang perlu kepada pihak Jabatan Imigresen termasuklah bayaran-bayaran pendaftaran dan juga levi, selepas itu barulah pas kerja boleh kita

beri. Dengan sebab pekerja-pekerja yang kononnya telah berdaftar ini lari, dia masih lagi dianggap sebagai PATI iaitu pendatang tanpa izin, boleh diburu dan ditangkap kecuali kalau sekiranya pekerja Yang Berhormat itu telahpun mendapat pas kerja yang sah barulah dikatakan bahawa apa yang dilakukan oleh Kerajaan itu sia-sia.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi mencegah supaya PATI ini tidak akan masuk lagi ke negara ini, saya ingin dapat penjelasan berapakah pintu masuk ataupun tempat-tempat pendaratan yang sudah dikenalpasti oleh Pasukan 'Keselamatan dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan pos-pos yang tertentu bagi mengawal pendatang tanpa izin ini.-

Yang kedua, mengikut -pendaftaran yang dibuat dari manakah pendatang-pendatang tanpa izin ini yang sudah dikenalpasti?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, yang susahnya kita ialah mereka yang datang ini bukan masuk melalui pintu masuk halal. Jadi kalau kita ada berapa banyak pintu halal pun, mereka akan masuk melalui pintu haram. Dan pintu haram ini yang kita tidak tahu. Jadi kalau sekiranya Yang Berhormat tahu di manakah pintu-pintu haram ini, bolehlah kita dirikan post-post yang berkenaan. Kalau kita buat pintu halal di sini, dia cari pintu yang haram yang lain. Jadi inilah masalah yang menimbulkan kesusahan kepada kita untuk menentukan kemasukan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kalau mereka ini dibawa mungkin kena ditempatkan di satu pulau dalam masa satu minggu dalam keadaan yang cukup tertekan dan bermacam-macam perkara berlaku di situ. Gadis-gadis mungkin diperkosa dan sebagainya. Lepas itu mereka akan memerhatikan pantai-pantai kita di mana yang tidak dijaga. Tengah-tengah malam mereka masuk melalui dicelah-celah kayu bakau dan bersembunyi dalam hutan mungkin dua, tiga malara. lepas itu tengah-tengah malam baru lori datang. Jadi inilah keadaan kemasukan mereka bukan masuk pintu yang halal. Kalau pintu yang halal senang kita menentukan. Jadi keadaan seperti inilah yang kadangkala sungguh menyukarkan pihak Kerajaan.

Tentang bilangan yang telah didaftar ialah saya ambil yang besar-besar sahajalah Bangladesh - 17,948; India - 7,929;

Indonesia - 293,187; Myanmar - 9,236; Pakistan - 1,740; Thailand - 22,315. Ini yang besar-besar Yang kecil-kecil sampai ke Zaire pun ada, Swaziland pun ada, Sudan pun ada, Syria pun ada. Inilah golongan-golongan yang telah masuk secara pasport yang sah, lepas itu tinggal lebih masa dan menghilangkan diri dan sebagainya dan ada yang masuk secara haram.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah;** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut keterangan Dato' Timbalan Menteri Dalam Negeri baru-baru ini, tiga orang daripada 10 orang pendatang tanpa izin ini menjadi pelacur. Adakah ini benar?

Yang kedua, bagaimana rupa bentuk Dato' Timbalan Menteri dapat mengenali pelacur-pelacur itu?

Yang ketiga, ada di Pejabat Wakil Bangsa-Bahgsa Bersatu Bagi Orang-orang Pelarian (UNHCR) berhampiran dengan Istana Negara, setiap hari pendatang tanpa izin mengadakan demonstrasi dekat pintu pagar itu. Apakah jenis mereka dan mengapa mereka tidak ditangkap?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah mengatakan tiap-tiap 10 orang, 3 orang adalah pelacur. Mungkin apa yang saya telah katakan kepada pemberita, dalam 35,000 orang yang telahpun menjalani rawatan kesihatan; pihak Imigresen memberikan pas kerja, pekerja-pekerja ini mestilah bebas daripada penyakit yang merbahaya 'dari berjangkit. Kalau sekiranya ada penyakit yang merbahaya dan berjangkit kita terpaksa keluarkan. Daripada 10 orang, tiga orang adalah didapati menghidapi penyakit yang merbahaya dan berjangkit iaitu kemungkinan HIV Positif, VD - ada berpuluh-puluh penyakit VD - Hepatitis A, Hepatitis B dan batuk kering. Jadi dari 10 orang ini, tiga orang disyaki mengidap



penyakit-penyakit yang merbahaya dan berjangkit ini. Tetapi saya tidak tahu bagaimanakah pihak media massa hanya menekankan HIV Positif atau AIDS sahaja, macam lain penyakit tidak ada.

Kita mesti maklum bahawa orang-orang yang susah sahaja hendak datang bersusah payah ke negara kita ini. Orang yang bersenang-lenang di negara mereka tidak akan datang ke sini. Dan kita tidak tahu latar belakang mereka. Mungkin yang datang untuk bekerja di rumah kita ini adalah bekas-bekas pelacur yang tidak laku di negara mereka. Kerana kita ada bukti di mana pembantu rumah mengadu sakit teruk dan dihantar ke hospital untuk diperiksa dalam keadaan yang cukup tenat mendapat syphilis dan mati dalam perjalanan pulang.

Kalau kita tidak mengambil tindakan yang tegas dalam hal kesihatan ini, cuba bayangkan seorang yang dapat mungkin Hepatitis B yang kudis macam-macam, ramas santan untuk kita dan isteri kita makan, membancuh susu untuk anak kita minum. Tidakkah kita bayangkan kalau sekiranya tindakan ini tidak diambil.

Jadi jangan kita pandang tentang AIDS sahaja. Kita pandang penyakit-penyakit lain yang membawa bahaya mungkin typhoid, mungkin cholera yang mana kita anggap orang-orang ini kita tidak ingin untuk bertugas di negara kita. Itu soalan yang pertama.

Yang kedua tentang ada pihak-pihak pendatang tanpa izin yang menunjuk perasaan di UNHCR, ini adalah mereka-mereka yang mengaku diri mereka adalah golongan "Rohingya" daripada Myanmar. Jadi sukar untuk kita menentukan adakah mereka ini benar-benar Rohingya. Kalau Rohingya meagapa jauh sangat daripada barat Myanmar macam mana dia

orang boleh cross melalui bandar Rangoon, pergi ke Thailand dan turun ke Malaysia? Kalau Rohingya sebab duduk di barat Myanmar tentulah melalui laut pergi ke Pulau Pinang. Tetapi tidak ada pun Rohingya mendarat di Pulau Pinang. jadi perkara-perkara seperti ini kita takut bahawa mereka ini sudah lama duduk di sini mungkin daripada Bangladesh dan apabila timbul cerita Rohingya teranianya maka mereka mengaku mereka Rohingya dan minta perlindungan sebagai refugees yang mana akan mendapat bantuan daripada United Nations dan sebagainya. Jadi kita terpaksa berhati-hati untuk menentukan keadaan mereka ini supaya kita pula tidak tertipu kerana mereka pun masuk ke sini secara tipu.

#### **ASB - PINJAMAN DARI BANK UNTUK BUMIPUTERA SARAWAK**

7. **Tuan Ding Seling** minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga akhir Jun 1992 berapakah:--

- (a) bilangan Bumiputera di Sarawak yang telah memohon fasiliti pinjaman dari bank-bank yang mengikut program memberi pinjaman kepada Bumiputera untuk membeli ASB (Amanah Saham Bumiputera);
- (b) amaun pinjaman yang telah diluluskan kepada pemohon-pemohon;
- (c) bilangan pemohon yang tidak diluluskan dan apakah sebab-sebabnya tidak diluluskan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga akhir bulan Jun, 1992 seramai 5,447 bumiputera Sarawak telah diluluskan kemudahan pinjaman Skim ASB daripada bank dan institusi kewangan yang dilantik untuk memberi pinjaman oleh pihak Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Bank-bank dan institusi kewangan terbabit

adalah Malayan Banking Berhad, Mayban Finance Berhad, Kwong Yik Bank Berhad, Kwong Yik Finance Berhad, Bank Bumiputra Malaysia Berhad, BBMB Kewangan Berhad dan Malaysian Credit Finance Berhad.

- (b) Amaun pinjaman yang telah diluluskan kepada pemohon-pemohon bumiputera Sarawak sehingga ini ialah \$123,232,000.
- (c) Maklumat mengenai bilangan pemohon yang tidak diluluskan tidak dapat diperolehi kerana pihak bank dan institusi kewangan terbabit tidak mempunyai rekod mengenai perkara int. Kebiasaanya permohonan akan disemak terlebih dahulu dan pemohon akan diberitahu sama ada permohonannya berjaya ataupun tidak sebelum ianya diproses berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak institusi kewangan berkenaan. Dari segi sebab-sebab sesuatu permohonan itu tidak diluluskan, ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti gaji bulanan minimum, kelayakan penjamin, keupayaan membayar balik dan sebagainya yang ditetapkan oleh setiap bank dan institusi kewangan dan akan berbeza di antara satu dengan yang lain.

**PERSIDANGAN KEMUNCAK BUMI DI RIO DE JANEIRO - KESAN**

8. **Tuan Haji Azman Atar bin Othman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah cabaran dan kesan positif dari Persidangan Kemuncak Bumi di Rio yang telah berlangsung baru-baru ini. Adakah Malaysia akan menganjurkan suatu persidangan dengan menjemput negara-negara hutan tropika bagi mengatasi tekanan pihak-pihak dunia antarabangsa.

12.8.92

47. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil yang diperolehi dalam konvensyen RIO.berlangsung di Brazil baru-baru ini; dan
- (b) apa strategi yang akan diambil dalam negara kita untuk melindungi alam sekitar pada masa akan datang.

49. **Tuan Haji Azman Atar bin Othman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan beliau ke Rio, baru-baru ini dan bagaimana sambutan negara-negara luar ke atas ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab bagi pihak Menteri Luar Negeri..

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta izin untuk menjawab sekali soalan-soalan yang berkaitan daripaaa soalan-soalan Yang Berhormat seperti berikut:-

- (1) Tuan Haji Azman Atar bin Othman, pada 6hb Ogos, 1992;
- (2) Tuan Haii Azman Atar bin Othman, pada 12hb Ogos, 1992; dan
- (3) Tuan Chong Chi Siong, pada 12hb Ogos, 1992.

Tuan Yang di-Pertua, hasil Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan atau juga dikenali sebagai Sidang Kemuncak Bumi yang berlangsung di Rio de Janeiro pada 3hb-14hb Jun, 1992 yang lalu ialah seperti rumusan-rumusan berikut:-

- (i) Deklarasi Bumi yang digelar Deklarasi Rio de Janeiro mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan;
- (ii) satu program tindakan yang dinamakan Agenda 21;
- (iii) satu kenyataan mengenai hutan yang dinamakan A Non Legally Binding Authoritative Statement of Principles for a Global Consensus on the Management, Conservation and Sustainable Development of all Types of Forests, dengan izin;
- (iv) untuk menubuhkan satu Suruhanjaya yang dinamakan Commission on Sustainable Development bagi tujuan mengendalikan aktiviti-aktiviti susulan selepas Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED);
- (v) untuk menubuhkan satu jawatankuasa antara Kerajaan bagi cadangan Konvensyen yang dinamakan Convention on Desertification.

Di samping di atas, 154 buah negara telah menandatangani konvensyen-konvensyen yang berikut, iaitu:

- (1) Konvensyen mengenai Perubahan Iklim (Framework Convention On Climate Changes);
- (2) konvensyen mengenai Biological Diversity.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah berpuashati dengan pencapaian-pencapaian yang telah dicapai oleh Sidang Kemuncak Bumi di Rio. Malaysia telah memainkan peranan yang pro-aktif dan berpengaruh di Persidangan tersebut. Ucapan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri telah mendapat penuh perhatian serta disambut baik, terutamanya oleh negara-negara membangun yang lain dan beberapa buah Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan atau NGOs. Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah diberi publisiti yang meluas oleh media antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah berjaya memainkan peranan yang utama dalam isu hutan bagi mengenyahkan tindakan-tindakan negara maju yang inginkan satu Konvensyen Hutan. Malaysia juga mengambil bahagian yang aktif dalam, perbincangan-perbincangan mengenai mekanisma kewangan dan berjaya menyakinkan negara-negara maju supaya bersetuju untuk mengubahsuai pentadbiran Global Environmental Facility (GEF).

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan sedang mengkaji hasil keputusan-keputusan yang telah dicapai di UNCED Rio termasuk implikasi-implikasinya, Dalam kajian ini langkah-langkah yang perlu diambil akan dipertimbangkan.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat,. beberapa keputusan yang telah dibincangkan di Rio mengenai langkah-langkah untuk menjaga alam sekitar seperti kajian kesan ke atas alam sekitar (Environmental Impact Assessment) sememangnya telah dilaksanakan di negara ini.

#### PENYUSUNAN SEMULA EKUITI SYARIKAT MILIK JEPUN

9. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sepanjang tahun 1991 dan 1992 berapakah syarikat milik Jepun yang beroperasi di Malaysia yang telah membuat penyusunan semula ekuiti melalui penyenaian di Pasaran Saham Kuala Lumpur; dan
- (b) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan syarikat-syarikat ini memberi peluang kepada pelabur tempatan melalui penyenaian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1991 dan 1992, tidak ada syarikat milik Jepun yang beroperasi di Malaysia yang telah membuat penyusunan semula ekuiti melalui penyenaian di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Walau bagaimanapun, setakat yang dikenalpasti terdapat pelaburan oleh syarikat-syarikat Jepun melebihi 2% dalam 21 buah syarikat yang disenaraikan di BSKL.

Sesebuah syarikat awam berhad, sama ada syarikat tempatan ataupun syarikat milik Jepun, yang memohon kelulusan untuk disenaraikan di BSKL dikehendaki mematuhi Dasar Pembangunan Negara dari segi struktur ekuiti. Pemohon hendaklah membuat tawaran syer kepada pelabur—pelabur bumiputera sekiranya syarikat itu masih belum mencapai matlamat penyertaan ekuiti bumiputera sebanyak 30%.

Tuan Yang di-Pertua, sebarang penyenaian baru di BSKL memerlukan kelulusan Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) terlebih dahulu. Sesebuah syarikat yang bercadang untuk disenaraikan di BSKL perlu menawarkan atau memperuntukkan syer syarikat itu kepada pelabur tempatan supaya pelabur-pelabur tempatan mendapat peluang untuk menyertai ekuiti syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi penyenaian di Papan Utama, sekarang-kurangnya 25% modal berbayar syarikat itu hendaklah dipegang oleh pihak awam manakala bagi Papan Kedua, sekurang-kurangnya 25% tetapi tidak melebihi 50% modal berbayar syarikat tersebut hendaklah dipegang oleh pihak awam.

**PRESTASI AKADEMIK/KEMEROSOTAN DISIPLIN PELAJAR**

10. **Tuan Haji Zainal. bin Md. Deros** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada prestasi akademik pelajar-pe.lajar meningkat ataupun menurun pada tahun 1990-1992; dan
- (b) adakah Kementerian mendapati disiplin pelajar-pelajar di bandar-bandar besar menurun disebabkan kewujudan pasaraya-pasaraya, yang menjadi tempat tumpuan mereka.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Ooo]:**

Tuan Yang di-pertua,

- (a) pada keseluruhannya prestasi akademik pelajar tidak menurun. Terdapat peningkatan prestasi pelajar dalam peperiksaan SRP antara tahun 1990 hingga 1991. Sementara itu bagi peperiksaan SPM pula, menunjukkan pencapaian yang hampir sama antara tahun-tahun tersebut.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kewujudan pasaraya di bandar-bandar besar, sepanjang yang diketahui tidak ada kaitan dengan kemerosotan disiplin pelajar-pelajar di sekolah. Sebenarnya terdapat banyak faktor lain lagi yang menyebabkan kemerosotan disiplin pelajar. Walau bagaimanapun, pihak sekolah sentiasa mengawasi kegiatan pelajar supaya tidak membuang masa di kompleks- kompleks membeli-belah di pasaraya. Oleh itu tidak ada bukti yang mengatakan kemerosotan disiplin pelajar disebabkan oleh pertumbuhan pasaraya di bandar-bandar besar.



**PEKERJA ASING DARI INDIA**

11. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan untuk memenuhi kekurangan pekerja, Kerajaan menerima ramai orang dari negara asing. Adakah menerima pekerja-pekerja dari negara India. Jika boleh apakah peraturan-peraturan undang-undang yang patut diikuti untuk membawa mereka dari negara India,

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan membenarkan kemasukan pekerja asing dari India mengikut sektor-sektor tertentu dan keperluan-keperluan tertentu. Peraturan kemasukan yang dikenakan kepada mereka adalah sama seperti peraturan yang dikenakan kepada pekerja-pekerja asing dari negeri-negeri yang lain iaitu memohon dengan Kementerian Sumber Manusia, memohon pas kerja atau visa dengan Jabatan Imigresen Malaysia, membayar levi, membayai wang cagaran dan membuat pemeriksaan perubatan.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri, apakah ada syarat bahawa pekerja-pekerja asing ini tidak dibenarkan berkahwin dengan rakyat tempatan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob;** Tuan Yang di-Pertuan tidak ada syarat yang sedemikian rupa. Kalau rakyat kita hendak berkahwin dengan orang yang tidak pernah datang ke sini pun boleh, apatah lagi yang telah bekerja dalam negara ini.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua oleh kerana soalan ini berkenaan dengan pekerja yang datang dari negara India, saya ingin bertanya berkenaan dengan apa yang telah berlaku pada bulan lepas yang mana suratkhbar New Straits Time

tidak dapat diedarkan disabitkan oleh kerana ada ugutan daripada kumpulan pengedar suratkhobar yang ramai daripada mereka terdiri daripada pekerja-pekerja yang datang dari India. Suratkhobar ini penting, sebab ia merupakan cara kita hendak mengedarkan maklumat kepada orang ramai. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah tindakan yang telah diambil terhadap pengedar-pengedar ini yang ramai daripada mereka bukan terdiri daripada warganegara kita tetapi adalah pekerja asing. Saya ingin bertanya apakah tindakan yang telah diambil terhadap pengedar sarat khabar yang telah menahan suratkhobar daripada diedar kepada pelanggan-pelanggarnya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk kita menentukan adakah pengedar-pengedar ini adalah merupakan pekerja-pekerja asing. Tetapi apa yang kita tahu bahawa agensi-agensi yang dilantik oleh pihak Kumpulan NST ini adalah warganegara Malaysia. Apa yang telah menimbulkan masalah ialah apabila agensi kepunyaan President of the Vendors Association telah dilucutkan, jadi tentu sekalilah timbul masalah. Kalau Vendors yang biasa mungkin tidak, tetapi Presiden Vendors itu sendiri dilucutkan, maka itulah timbul masalah, tetapi masalah itu telah dapat diselesaikan. Kalau sekiranya ada agensi-agensi Vendors yang menggunakan pekerja-pekerja asing tanpa permit kerja, tugas kita ialah tangkap mereka sahaja.

#### **PENJUALAN PETROL BERCAMPUR DENGAN MINYAK TANAH**

12. **Puan Kalthom binti Haji Othman** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan,

- (a) adakah Kementerian sedar mengenai adanya sindiket mencampurkan minyak tanah dalam petrol yang kemudiannya dijual kepada orang ramai seperti yang didedahkan oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP); dan
- (b) jika Kementerian sedar, setakat manakah berleluasanya gejala tersebut dan apakah Kementerian mempunyai kuasa menurut undang-undang untuk bertindak terhadap sindiket itu. Jika tidak, apakah langkah Kerajaan terhadapnya.

10.8.92

27. **Tuan V. K.Sellappan** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan berapa banyak stesen minyak dan pam tangan menjual petrol bercampur minyak tanah:

- (a) adakah Kementerian mengetahui perkara ini dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementreian untuk membanteras kegiatan ini; dan
- (b) berapakah bilangan penjual seperti ini yang telah diambil tindakan oleh Kementerian..

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr, Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan yang dijadualkan pada 10hb Ogos oleh kerana itu yang dibangkitkan adalah atas perkara yang sama. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan:

- (a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal pengguna sedar adanya kegiatan penjualan petrol. bercampur dengan minyak tanah sebelum perkara ini didedahkan oleh Persatuan pengguna Pulau- Pinang (CAP) lagi. Usaha membanteras kegiatan ini adalah tindakan berterusan yang dijalankan oleh Kementerian. Hasil daripada tindakan dan usaha Kementerian ini, ianya dapat mengawal kegiatan haram ini daripada berleluasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratusan mereka yang terlibat adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah pengusaha stesen minyak di seluruh negara. Bagi memastikan kegiatan mencampurkan petrol dengan minyak tanah

atau diesel dapat dikawal, Kementerian telah menjalankan pemeriksaan ke atas pengusaha-pengusaha stesen minyak dan tempat-tempat penjualan lain dengan mengambil samples, dengan izin, stau contoh minyak di premis perniagaan berkenaan dan mengemukakan samples ini ke Jabatan Kimia untuk dibuat cerakinan. Jika dibuktikan minyak tersebut adalah bercampur dengan minyak tanah atau lain-lain bahan, tindakan undang-undang akan diambil ke atas pengusaha berkenaan.

Di samping itu, tindakan lain yang boleh diambil ke atas pengusaha yang terlibat dengan kegiatan haram ini ialah dengan menamat atau membatalkan lesen mengendalikan, penjualan minyak. Pihak syarikat minyak juga akan megambil tindakan memberhentikan pengusaha berkenaan daripada terus menjadi wakil penjual mereka. Tindakan-tindakan seperti ini amat berkesan dalam usaha Kementerian melindungi pengguna dari ditipu dengan penjualan minyak yang bercampur.

- (b) Seperti yang nyatakan tadi, gejala atau kegiatan mencampurkan petrol dengan minyak tanah atau lain-lain bahan ini tidaklah berleluasa, dan ianya terkawal. Kementerian memandang serius perkara ini dan memberi keutamaan dalam mengambil tindakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mempunyai kuasa di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972 untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas sesiapa yang mencampurkan minyak atau menjual minyak yang dicampurkan dengan lain-lain bahan yang tidak sepatutnya dicampur.

Tuan Yang di-pertua, sejak Kementerian ini diwujudkan pada 27hb Oktober, 1990 hingga 31hb Julai, 1992 jumlah kes mencampurkan petrol dengan minyak tanah dan lain-lain bahan seperti diesel yang telah dikesan di seluruh negara ialah sebanyak 15 kes dan kesemua mereka yang terlibat ini dihadapkan ke mahkamah.

### TELEFON AWAM - LANGKAH MENCEGAH KECURIAN

**13. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan;

- (a) berapa kes yang berlaku selama ini berkenaan telefon awam dicabut atau dicuri; dan
- (b) apakah tindakan yang perlu diambil untuk mencegah kes seumpama itu berulang lagi terutama di ibu kota.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua. untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 277 kes kecurian alat telefon awam telah berlaku dalam tempoh Januari hingga Jun 1992.

Tindakan-tindakan yang diambil untuk mencegah kes seumpama ini adalah seperti berikut:-

- (i) mengalih lokasi telefon-telefon yang terlibat ke tempat-tempat yang lebih selamat seperti Balai-balai Polis, rumah-rumah penghulu dan sebagainya;

- (ii) memasang braket besi berkunci pada alat telefon awam;
- (iii) menukarkan kepada telefon yang menggunakan kad;
- (iv) dengan mengadakan rondaan bersama dengan pihak Polis di kawasan-kawasan yang dikenalpasti;
- (v) mengadakan kempen publisiti am melalui media massa bagi memberi kesedaran kepada orang ramai supaya menjaga kemudahan awam yang disediakan;
- (vi) dengan menggunakan bahan-bahan yang lebih kuat supaya pihak yang tidak bertanggungjawab mengalami kesulitan dalam kegiatan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk Soal-Jawab.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 76 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1991 DAN 1992) (No.2)****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [5hb Ogos, 1992]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan menyambung ucapannya.

3.36 ptg.

**Tuan V.K. Sellappan;** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sistem bentuk baru huruf bahasa Tamil telah lama dikenalkan dan dilaksanakan secara rasmi di India, Singapura dan lain-lain negara yang menggunakan bahasa Tamil. Pihak akhbar, majalah dan media-media percetakan bahasa Tamil tempatan di negara Malaysia ini telah lama menggunakan sistem ini, tetapi Kementerian Pendidikan Malaysia masih belum lagi mengamalkan sistem bentuk baru huruf bahasa Tamil di sekolah-sekolah di tanahair kita. Akibatnya murid-murid keliru apabila menulis dan membaca bahasa Tamil, kerana bentuk huruf lama yang mereka gunakan di sekolah berbeza dengan apa yang mereka lihat dalam akhbar dan majalah di luar bilik darjah. Adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa kekeliruan ini akan menjejaskan proses pembelajaran murid-murid di sekolah? Pihak badan-badan sukarela dan masyarakat India di tanahair kita telah lama meminta perkara ini diamalkan.



Oleh yang demikian, saya meminta jasa baik Kementerian Pendidikan supaya mengambil tindakan sewajarnya untuk mengamalkan sistem bentuk baru huruf bahasa Tamil dikuatkuasakan di sekolah-sekolah di seluruh negara secara rasmi dengan secepat mungkin. Juga saya marayu kspada Kementerian Pendidikan untuk mewujudkan sebuah panel bagi mengeluarkan buku-buku teks bahasa Tamil dengan menggunakan huruf-huruf yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah SRJK Tamil masih berleluasa. Ini amat dikhuatirkan kerana ini akan menjejaskan proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Ramai orang tidak gemar menjadi guru kerana pelajar-pelajar yang mempunyai kelulusan cemerlang dalam akademik memilih untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dan tidak mahu berkhidmat di sekolah-sekolah rendah dan manengah. Pendapatan mereka tidak seimbang dengan pendapatan yang diperolehi oleh pekerja-pekerja pihak swasta. Seorang guru yang berkelulusan akademik peringkat SPM dan berkelulusan maktab perguruan selama dua atau tiga tahun hendaklah menunggu selama lima hingga sepuluh tahun untuk mendapat gaji sebanyak \$1,000 sebulan. Manakala seorang pekerja swasta yang tercicir dalam SPM hanya menunggu jangka masa yang pendek sahaja untuk mendapat gaji sebanyak \$1,000 ditambah dengan elaun lebih masa dan lain-lain faedah yang akan meningkatkan pendapatan mereka dua atau tiga kaliganda daripada gaji seorang guru yang bekerja bertungkus-lumus tanpa apa-apa faedah istimewa.

Akibat dari pelaksanaan Sistem KBSR dan KBSM di sekolah-sekolah, kebanyakan guru mengalami tekanan dalam perkhidmatan sehingga mereka menjadi bosan dan tidak puas hati dalam pekerjaan mereka. Guru-guru bekerja sepanjang masa tanpa apa-apa elaun sudah menjadi amalan harian di sekolah-sekolah hari ini. Oleh itu mereka meletakkan jawatan ataupun bersara secara pilihan.

**(Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth  
mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerajaan haruslah merancang satu sistem pelajaran gaji baru serta dengan faedah-faedah menarik bagi guru-guru supaya pendidikan asas yang berkesan diberi kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah di tanahair kita, melonggarkan syarat-syarat kelayakan bagi bakal-bakal guru juga boleh mengatasi masalah ini. Haruslah diberikan perhatian yang serius tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$53,495,800 telah diperuntukkan bagi Kementerian Pendidikan. Ini adalah jumlah yang tinggi berbanding dengan peruntukan-peruntukan bagi lain-lain Kementerian. Walaupun jumlah ini adalah tinggi tetapi ia juga adalah satu pelaburan yang baik. Saya menyokong peruntukan ini dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua<sub>f</sub> untuk makluman kita bersama, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan sebanyak 1,069 buah pusat pra-sekolah di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut 1,019 menggunakan bahasa pengantar Bahasa Malaysia, 30 buah bahasa Cina dan 15 buah bahasa Tamil. Malangnya Kementerian Pendidikan juga memaklumkan tidak lagi akan menubuhkan pusat pra-sekolah mulai tahun 1993. Keputusan Kementerian Pendidikan ini adalah sangat mendukacitakan. Pada masa kini terdapat kelas-kelas pra-sekolah yang dikelolakan oleh Jabatan Perpaduan Negara, KEMAS, pihak swasta dan sebagainya. Oleh kerana pusat-pusat pra-sekolah ini dikelolakan oleh pihak-pihak yang berlainan, maka tidak terdapat suatu sistem kurikulum yang selaras bagi semua pusat pra-sekolah.

Pusat pra-sekolah yang dikelolakan oleh pihak swasta pula pada masa ini mengenakan bayaran atau yuran yang sangat tinggi, yang hanya mampu dibayar oleh segelintir golongan rakyat sahaja. Ada kalanya pentadbiran pusat pra-sekolah ini lebih berasaskan kepada keuntungan. Faktor guru juga haruslah diberi perhatian yang serius. Ini adalah kerana kekurangan satu sistem atau institusi khas untuk melatih guru-guru khas ke pusat pra-sekolah seperti adanya sistem Maktab Perguruan atau universiti-universiti bagi melatih guru-guru yang bakal mengajar di sekolah rendah atau menengah. Ini mengakibatkan tidak adanya satu penyelarasan dalam sistem pengajaran dan perabelajaran, kemahiran bagi semua pusat pra-sekolah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kementerian Pendidikan menubuhkan pusat pra-sekolah haruslah diteruskan lagi supaya semua pusat pra-sekolah akan berada di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan. Ini akan membolehkan Kementerian Pendidikan mewujudkan satu sistem kurikulum yang selaras bagi semua pusat pra-sekolah di negara kita. Ini juga akan membolehkan setiap orang murid yang memasuki pusat pra-sekolah metapelajari kemahiran yang sama, manakala pada masa ini kemahiran yang diajar di sesuatu pusat pra-sekolah ini bergantung kepada kadar yuran atau bayaran yang dikenakan. Lebih tinggi bayarannya lebih banyak kemahiran sampingan yang diajar. Maka ibu bapa yang dari golongan yang berada berlumba-lumba untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat yang terbaik, yang menyediakan pengajaran pembelajaran kemahiran yang lebih tinggi. Sementara itu, ibu bapa yang dari golongan yang berpendapatan sederhana atau rendah hanya mampu menghantar anak mereka ke pusat pra-sekolah yang menyediakan pengajaran pembelajaran kemahiran yang asas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya satu penyelarasan kurikulum bagi semua pusat pra-sekolah, maka guru-guru boleh dilatih khas untuk mengajar murid-murid di peringkat pra-sekolah. Ini akan menyenangkan murid-murid pra-sekolah menguasai kemahiran yang akan diajar di peringkat sekolah nanti. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, peringkat pra-sekolah kanak-kanak ini adalah peringkat yang paling penting dalam membentuk diri seseorang itu. Pada

peringkat ini kanak-kanak akan menyerap sebarang maklumat yang diberikan kepadanya seperti yang dilihat dari konsep kanak-kanak itu sendiri. Sebarang kesilapan yang dilakukan dalam penyampaian satu-satu maklumat kepada kanak-kanak itu akan atau mungkin menghasilkan satu individu atau satu kumpulan yang terkeluar dari kebenaran. Oleh kerana ini, peringkat umur ini haruslah diberikan perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak. Pendedahan kepada pembelajaran dan pengajaran yang baik dan teratur akan membolehkan kanak-kanak di peringkat ini menguasai kemahiran-kemahiran yang akan dilanjutkan di peringkat sekolah.

Kita juga sedia maklum, bahawa sebilangan kecil pelajar yang lemah dalam menguasai kemahiran yang diajar di sekolah dan sebilangan pelajar yang tercicir di peringkat sekolah adalah dari kalangan kanak-kanak yang tidak mendapat pendedahan yang sewajarnya di peringkat pra-sekolah mereka. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan haruslah jaga membentuk satu penal yang sistematik untuk mengkaji dan menyelaraskan sistem pendidikan di peringkat pra-sekolah bagi semua pusat pra-sekolah di negara ini. Ini juga adalah supaya semua golongan masyarakat sama ada yang kaya atau miskin dapat menikmati pembelajaran yang saksama dan adil. Usaha-usaha haruslah dibuat dari peringkat pra-sekolah lagi untuk mewujudkan rakyat Malaysia yang berpelajaran dan akan berusaha untuk mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B..17 Kementerian Belia dan Sukan. Saya mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Menteri Belia dan Sukan atas kepimpinan dan daya usaha beliau untuk memberi segala galakan, sokongan dan bantuan dengan sedaya upaya kepada pasukan badminton negara kita untuk mencatatkan sejarah dengan memungut pingat gangsa pertama secara rasmi dalam acara bergu badminton lelaki dalam Sukan Olimpik 1992 di Barcelona baru-baru ini.

Lawatan Menteri ke kem atlit Malaysia di Barcelona telah memberi ransangan dan semangat keyakinan kepada para atlit kebangsaan negara kita. Ini merupakan satu amalan yang merabina kepimpinan dan dorongan. Beliau telah mencapai satu-satu cita-cita yang diidam-idamkan oleh masyarakat Malaysia selama ini. Tidak ketinggalan juga pasukan badminton negara kita telah menjuarai piala Thomas baru-baru ini dan menjadi kuasa besar arena bandminton di dunia. Saya mengucapkan ribuan terima kasih- atas sokongan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan negara ini terhadap pencapaian gilang gemilang ini. Sukan Malaysia yang telah dilangsungkan baru-baru ini di Johor Bahru juga merupakan satu penganjuran yang boleh dibanggakan kerana ini telah mencungkilkan bakat dan minat atlit-atlit baru negara kita.

Saya berpendapat banyak lagi acara-acara baru dipertandingkan dalam Sukan Malaysia ini supaya melengkapkan atlit-atlit negara kita

menghadapi Sukan Komanwel 1998 nanti dengan penuh cabaran. Peranan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan negara kita juga harus di-sanjung tinggi atas daya usaha beliau untuk Malaysia menjadi tuan rumah bagi Sukan Komanwel ini semata-mata untuk meningkatkan imej Malaysia di seluruh dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, di samping itu saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sedikit sebanyak mengenai pengambilan peserta-peserta di Pusat-pusat Latihan Belia dan Institut-institut Kemahiran Belia Negara.

Pada 20hb Jun, 1992, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, sebagai menjawab soalan saya, memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa bilangan bumiputera yang mengikuti kursus di Institut-Institut Kemahiran Belia Negara ialah 3,323 dan bilangan bukan bumiputera ialah 30 orang sahaja.

Sebab-sebab kekurangan dalam pengambilan peserta bukan bumiputera dalam Institut-institut Kemahiran Belia ini adalah kerana permohonan daripada mereka adalah kurang dan kebanyakan di antara mereka gemar untuk mengikuti kursus daripada swasta. Saya memang memuji Kementerian Belia dan Sukan Negara atas daya usaha mereka untuk memberi kursus di Institut Kemahiran Belia kepada belia-belia supaya mereka menjadi rakyat yang berguna kepada negara ini menjelang tahun 2020. Tetapi apa yang saya dapat difahamkan ialah permohonan-permohonan daripada peserta bukan bumiputera yang bekelayakan telah ditolak dan juga kebanyakan di antara pemohon-pemohon itu berpendapat mereka tidak akan mendapat peluang walaupun mereka ada kelayakan oleh kerana mereka kurang percaya kepada dasar pengambilan. Dengan ini saya menyayangi ada sesuatu yang sedang berlaku dalam pengambilan bilangan peserta bukan bumiputera yang berkurangan. Apa yang saya ingin mengatakan di sini ialah Kementerian Belia dan Sukan harus merancang suatu sikap dan kriteria yang sesuai untuk mengambil lebih banyak kaum bukan bumiputera dalam kursus-kursus kemahiran tinggi seperti sistem kuota yang diamalkan dalam pengambilan pelajar-pelajar bukan bumiputera untuk menantut di universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia. Amalan ini akan mengeratkan semangat perpaduan di kalangan belia-belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan teguran yang ikhlas ini sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita dengan ucapan syabas kepada Kementerian Kewangan. Terima kasih.



**Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Mohd. Seth:** Tuan Tiong Thai King.

3.54 ptg.

**Tuan Tiong Thai King:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk menyertai dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992)(No.2). Akta ini akan memberi kuasa berkanun supaya menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991 dan 1992, yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta-akta Perbekalan 1991 dan 1992 dan Akta Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992)(No.1).

Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya perhatikan bahawa sejumlah besar wang iaitu \$53 juta akan diperuntukkan kepada Maksud B.26 Kementerian Pendidikan, sebagai satu peruntukan tambahan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan Kementerian Pendidikan yang telah diberi peruntukan terbesar dalam Belanjawan 1992 iaitu sebanyak \$6 billion.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita sedang mengambil langkah-langkah tegas untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Demi untuk itu Kerajaan dengan sedaya-upaya berusaha mengukuhkan dan membina ketahanan ekonomi bagi melahirkan negara industri yang maju. Antara lain, pembangunan dan penyediaan tenaga manusia yang berdisiplin, berkesusilaan, berkemahiran, berpengetahuan tinggi dan berteknologi moden adalah satu langkah yang sangat perlu dan penting. Kerana itulah saya berharap agar perancang-perancang atau pakar-pakar pendidikan dalam Kementerian Pendidikan supaya:

- (a) Boleh membuat perancangan supaya kanak-kanak kita yang berumur di alam persekolahan dapat menerima pendidikan di mana-mana sekolah.
- (b) Kurikulum bagi sekolah teknik dan vokasional dapat disusun semula supaya serasi dengan hasrat Kerajaan yakni pencapaian matlamat Wawasan 2020. Tenaga manusia yang mahir dan berteknologi canggih adalah perlu dalam usaha kita melahirkan suatu negara industri yang maju.
- (c) Bagi menyediakan tenaga manusia yang berpengetahuan tinggi yang diperlukan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, dan demi mengelakkan pengaliran keluar pertukaran mata wang asing, sektor swasta harus digalakkan untuk mendirikan universiti-universiti atau institusi-institusi pengajian tinggi yang mempunyai program berkembar dengan universiti di luar negeri, selain daripada usaha Kerajaan mendirikan institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini.

Demi pencapaian matlamat Wawasan 2020, saya cadangkan supaya institusi-institusi pengajian tinggi atau universiti-universiti harus diperbanyakkan dan dibuka kepada semua pelajar yang berkelayakan dari segi pencapaian akademiknya tanpa mengira suku kaum dan agama. Saya berharap agar Kerajaan kita- akan memberi pertimbangan kepada usul saya ini kerana penyediaan tenaga manusia yang berilmu pengetahuan, terlatih dan berkemahiran adalah satu jaminan penting bagi pencapaian matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang perkhidmatan kesihatan. Setahu saya negeri Sarawak sudah lama mengalami kekurangan doktor, kekurangan jururawat dan kekurangan kemudahan perubatan di mana-mana hospital. Dalam perkara tersebut, walaupun Kerajaan kita berusaha untuk mengatasinya, namun prestasinya masih kurang memuaskan. Bahkan saya berharap bahawa dengan terbinanya hospital baru Sibulanti nanti, akan disediakan juga dengan secukupnya segala kemudahan perubatan. Juga, dengan terdirinya Fakulti ataupun kampus kedokteran di Sarawak, lebih banyak pelajar anak Sarawak boleh dilatih menjadi doktor pakar dan jururawat dan seterusnya mereka boleh berkhidmat di mana-mana hospital di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh sedikit tentang Maksud B.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Kementerian ini pernah diberi peruntukan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian dalam usaha promosi pelancongan. Dalam kempen Tahun Melawat Malaysia, Kementerian ini telah menjalankan berbagai aktiviti promosi di dalam dan luar negara. Tetapi pada hemat saya, koordinasi antara Kementerian ini dengan Kementerian berkenaan di bawah Kerajaan Negeri Sarawak adalah kurang memuaskan di bidang tersebut dan harus dipertingkatkan dan dipereratkan lagi supaya segala aktiviti itu akan membawa faedah kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan negeri Sarawak juga.

Di bidang kebudayaan dan kesenian, Kementerian ini harus memberi perhatian berat kepada perkembangan kebudayaan dan kesenian berbagai suku bangsa di negeri Sarawak dan memperuntukkan sejumlah wang, seberapa boleh, setiap tahun kepada Kerajaan Negeri Sarawak atau Kementerian berkenaan untuk membantu Kerajaan Negeri menjalankan aktiviti kebudayaan dan kesenian di peringkat negeri serta merangsang perkembangan kebudayaan dan kesenian berbagai suku kaum di Sarawak.

Kebudayaan dan kesenian tradisional kita harus dimajukan dan dipertahankan. Adalah harapan saya agar negara kita akan wujud sebagai satu negara industri yang maju sepertimana yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam matlamat Wawasan 2020, dan juga rakyat Malaysia mempanyai moral tinggi dengan aneka warna kebudayaan dan kesenian ketimuran.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ucapan saya dan saya mengucapkan penuh sokongan kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992)(No.2). Terima kasih.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth;** Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng.

4,02 ptg.

**Puan Rosalind Yau Shuk Meng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana beri peluang kepada saya. Saya ingin mengeluarkan pendapat saya berhubung dengan peruntukan yang tercatat di dalam Jadual Kedua, Seksyen 3.

Berkenaan dengan peruntukan sebanyak \$7,854,200 bagi maksud kegunaan Jabatan Perdana Menteri dalam aspek keraian dan perbelanjaan luar negeri, saya menyokong penuh sekiranya peruntukan tersebut meningkatkan imej Malaysia di dunia dan memanfaatkan rakyat jelata di tanahair kita, Keraian yang diadakaa adalah lebih bermakna kalau sentiasa mempunyai ahli-ahli atau peserta-peserta daripada berbilang kaum. Perancangan yang dapat mengeratkan perhubungan antara rakyat jelata adalah amat dialu-alukan.

Untuk \$1 juta yang didahulukan kepada kegiatan SUKMA adalah menggalakkan kegiatan sukan di negara kita. Walau bagaimanapun, saya ingin melanjutkan bahagian ini kepada penggalakan jenis-jenis sukan yang lebih. Dengan lain perkataan, penggalakan daripada Kerajaan haruslah disalurkan kepada pelbagai bidang sukan dan bukan hanya tertumpu kepada sejenis sukan sahaja. Sungguhpun kita harus menitikberatkan sesuatu bidang. Namun bidang-bidang lain yang telah menunjukkan prestasi baik atau yang berpotensi harus juga menerima perhatian yang sewajarnya,

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan \$2,500,000 untuk

menebang pokok di Tasik Kenyir di bawah maksud Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, itu menghairankan saya. Saya ingin penjelasan lanjut atau maklumat terperinci, apakah peruntukan yang besar ini bertujuan menebang pokok di Tasik Kenyir. Apakah sebab-sebab menebang pokok-pokok semula jadi tersebut sedangkan Kerajaan menyeru rakyat menanam lebih banyak- pokok-pokok untuk kehijauan kehidupan kita, inikan pula Kerajaan memberi peruntukan menebang p o k o k . Oleh kerana terdapat tiga bahagian, dalam Kementerian tersebut, adalah lebih memuaskan sekiranya ketiga-tiga bahagian mendapat peruntukan daripada \$2,500,000 itu untuk tujuan kegiatan kebudayaan dan kesenian juga.

Berkaitan dengan peruntukan \$53,495,800 yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan, ini adalah peruntukan terbesar dalam Jadual Kedua (Seksyen 3) ini yang disalurkan kepada perkembangan pendidikan yang merupakan suatu cara atau alat membangunkan para celik huruf rakyat. Saya rasa peruntukan yang besar ini patut mengutamakan institusi-institusi pendidikan luar bandar. Contohnya, mendirikan lebih banyak sekolah tadika untuk meletakkan asas yang lebih kukuh sebelum kanak-kanak memasuki sekolah rendah. Adalah tidak begitu baik sekiranya Kerajaan masih mendirikan sekolah tadika di tempat-tempat yang sudah pun mempunyai kemudahan yang telah disediakan oleh sektor swasta. Ini bukan sahaja menyusahkan kehidupan sekolah tadika swasta tetapi juga bertentangan dengan hasrat Kerajaan dalam pengunduran ekonomi. dengan secara beransur-ansur, Peruntukan tersebut bolehlah disalurkan untuk

memberi bantuan kewangan untuk melatih guru-guru di sekolah masing-masing ataupun memberi ceramah-ceramah dan kem-kem kerja untuk meningkatkan pengetahuan sekolah mengenai polisi-polisi pendidikan kebangsaan.

Pada keseluruhannya, saya menyokong penuh ke atas peruntukan ke bahagian-bahagian Kerajaan yang mempergunakan kewangan deagan sewajarnya. Faedah rakyat, kepentingan orang ramai dan golongan yang kurang diberi perhatian harus dititikberatkan melalui sistem Kerajaan yang berkesan dan cekap. Ini ditambah pula kedudukan kewangan negara yang kukuh, rakyat jelata akan menikmati suasana kehidupan yang lebih selesa dan memuaskan.

Akhirnya, dengan ini saya menyokong penuh terhadap Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992)(No.2). Terima kasih.

**Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

**4.10 ptg.**

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) (No. 2) dan saya mempunyai sepenuh keyakinan iaitu segala wang yang telah diberikan itu telahpun digunakan dengan baik. Walau bagaimanapun ada beberapa perkara yang saya ingin bincangkan di sini khusus berkaitan dengan Kementerian-kementerian yang mana wang ini telah dikeluarkan untuk perbelanjaan yang telah berlalu,

Pertamanya, berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri. Sepertimana Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng sebutkan sebentar tadi, sememangnya kita menyokonglah kalau wang ini dibelanjakan kerana kita tahu iaitu Kementerian Luar Negeri ini sememangnya satu jentera untuk kita meningkatkan imej negara kita di khalayak dunia. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh sedikit dengan perkara pertamanya berkenaan dengan bayaran yang dibuat kepada pegawai-pegawai dan juga tentang keistimewaan yang diberikan kepada pegawai-pegawai.

Saya ingin bercakap khusus tentang pendidikan anak-anak diplomat negara kita. Sepertimana yang kita tahu bahawa sememangnya diplomat itu merupakan orang yang benar-benar di luar negara kita yang



mempunyai apa yang dikatakan semangat cintakan kepada negara kerana sudah tentulah kalau dia menjadi diplomat, memang kerja dia hari-hari ialah untuk menunjukkan bahawa negara Malaysia ini sebuah negara yang baik dan imejnya baik, Tetapi apa yang menyedihkan kita walaupun ibu bapanya itu sentiasa mempunyai pandangan dan membuat perkara-perkara yang boleh meningkatkan imej negara kita tetapi kita lihat bahawa anak-anak mereka itu tidak sedemikian rupa. Bapa bekerja keras untuk mempertahankan nama baik negara tetapi anak-anak ini apabila mendapat pendidikan tidak pula sedemikian rupa, Ini menghairankan kita. Sepatutnya kalau bapa rintik anak borek. Tetapi yang kita tengok, bapa borek, anak saya tidak tahu apalah sebab dia tidak rintik. Dia tidak mengikut cara bapa dia.

Jadi daripada kajian, kita tengok bahawa mengapa perkara ini boleh berlaku ialah kerana pendidikan anak-anak diplomat ini tidak sama dengan pendidikan yang didapati oleh bapa mereka iaitu pendidikan dalam negara kita. Sebab apabila diplomat ini pergi ke luar negeri, anak-anak dia terpaksa dibawa bersama daripada umur yang begitu muda dan senantiasa lumrahnya apabila bapa itu diletakkan atau ditempatkan di luar negeri maka anak-anak itu akan masuk ke sekolah-sekolah di luar negeri. Jadi, apabila dia masuk sekolah di luar negeri, dia tidak mempunyai penghayatan yang sama seperti bapa dia ataupun ibu dia yang mendapat pendidikan di dalam negara. Sebab itu dia tidak ada perasaan mahu mempertahankan negara dia. Dia rasa dari serba-serbi bahawa dalam negara luar yang mana dia mempunyai

pendidikan itu, lebih baik dari negara dia sendiri. Sejumlah besar dan ramai daripada mereka telah dibesarkan di luar negara.

Jadi, masalahnya pada hari ini. kita tengok dikalangan anak-anak diplomat kita ini, mereka senantiasa atau selalulah menentang tentang apa sahaja kebaikan yang ada di dalam negara kita. Sebab itu...

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** [Bangun]

**Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Saudara. Nazri, apakah maksud Yang Berhormat dengan perkataan bahawa mereka telahpun melupakan seperti apa yang telah dilakukan oleh ibu bapa mereka. Apakah ini dimaksudkan sebagai mereka, ini sudah hampir-hampir hilang ataupun hilang mengenai perlakuan kebudayaan nasional kita dan sebagainya?

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat apa Yang Berhormat Ustazah kata memang tepat iaitu anak-anak diplomat ini kadangkala kita lihat ia lebih "barat." daripada orang Barat. Sebagai contoh, kalau dia dibesarkan di luar negeri kerana mengikut bapa dia, banyak perkara yang menjadi pantang larang kepada kita dan tanahair' tetapi menjadi satu perkara yang lumrah dan biasa kepada dia. Ini masalahnya. Kalau kita di sini mengatakan bahawa kita

sebagai orang Islam, kita tidak boleh minum tetapi kepada dia kerana dia dibesarkan di luar negara Malaysia, dia rasa ini satu perkara yang tidak sesuai dengan diri dia. Dia rasa apa salahnya kalau dia duduk di England, orang boleh minum, apa fasal dia tidak boleh minum? Jadi, ini yang dikatakan sepertimana Yang Berhormat: Ustazah sebut sebentar tadi, budaya dia sudah berbeza.

**Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato Mohd. Seth:**

Tetapi saya percaya bukan semua.

**Tuan Haji Hohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak semua! Saya pun anak diplomat juga tetapi saya tidak macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi apa yang saya mahukan di sini dalam Kementerian Luar Negeri supaya difikirkan bahawa kita kena bimbing dan mengambil berat kebajikan anak-anak diplomat kita. Saya kira kalau ibu bapa mereka sebagai diplomat ditempatkan di luar negeri maka itu merupakan satu pengorbanan daripada ibu bapa ini. Sebab itu kita tidak boleh mengambil ringan masalah kebajikan anak-anak dia. Pendidikan anak dia kah atau apakah, kita mesti mengambil berat. Sebab itu saya fikirkan mesti ada satu skim di mana anak-anak diplomat ini harus kita tentukan apabila sampai ke tahap persekolahan maka jangan benarkan dia bersekolah di luar negeri. Adakanlah satu skim di mana kita berilah keutamaan kepada ibu bapa diplomat ini supaya anak mereka itu diberikan atau dijaga pendidikan mereka. Masuk ke sekolah-sekolah yang mana kita katakan kalau ada asrama, masukkan mereka ke asrama tanpa dikenakan syarat kepada

penuntut yang lain yang hendak masuk ke asrama itu. Kalau ada kelayakan tertinggi sedikit maka kita longgarkanlah syaratnya untuk anak-anak diplomat ini. Sebab saya rasa ini penting kerana kita tidak mahu anak-anak muda ini bapanya banyak berkorban kepada negara untuk menaikkan imej negara tetapi anak tidak mengikut, jejak langkah ibu bapa mereka.

Jadi, saya rasa di masa yang akan datang kalau ada permohonan untuk pembiayaan pendidikan anak-anak diplomat di luar negeri, jangan beri. Soalnya kalau mungkin di kalangan diplomat akan merasa tidak begitu bersetuju dengan apa yang saya cakap iaitu macam mana dia hendak berpisah dengan anaknya, dia mahu supaya anak dia ikut dia. Saya rasa ini adalah satu perkara yang harus kita semua sudah tahu. Apabila kita membuat keputusan untuk menjadi diplomat untuk menganggotai kor-diplomat ini, itu sudah satu perkara yang harus kita hadapi. Maknanya terpaksa berpisah dengan anak-anak itu. Itu memang, satu perkara yang bukan baru kepada kita tetapi yang harus kita tahu bahawa kita akan menghadapi, bukan dia sahaja yang akan berpisah dengan anak dia, saya kira ramai juga masyarakat dalam negara kita menghadapinya. Sebagai seorang ahli politik pun kadangkala seminggu dua hari baru berjumpa dengan anak, itu biasa. Kerja kita masing-masing akan membawa kita ke tahap yang mana kadangkala kita terpaksa meninggalkan keluarga kita. Jadi, saya rasa itu biasa.

Saya mahukan perkara ini bukan kerana mahu supaya Kerajaan ini kedekut duit tidak. Iaitu jangan beri duit kepada anak-anak diplomat yang hendak menuntut pelajaran di luar negeri. Maksudnya bukan itu. Maksudnya kita tidak mahu merosakkan cara pemikiran anak-anak diplomat ini.

Sebab itu saya ingin cadangkan, kalau dulu ada skim yang mana kita bagi duit kepada anak diplomat ini untuk mereka melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri supaya mereka dapat bersama dengan ibu bapa mereka, saya rasa harus kita hentikan ini dan kita tentukan di masa-masa akan datang pendidikan anak-anak diplomat ini harus dijalankan, dilakukan dalam negara kita. Itu pertama.

Juga daripada perbelanjaan yang dibangkit di dalam Perbekalan Tambahan ini, saya percaya sudah tentu juga setengah daripada wang ini diberikan secara bantuan kecemasan kepada masyarakat yang tertentu yang tertindas di luar negara kita. Malaysia sudah sampai kepada satu tahap yang mana bukan sahaja kita dapat mengendali dan menangani masalah di dalam negara kita dengan baik kita telah berjaya, pertumbuhan ekonomi adalah baik, oleh kerana itu kita merasakan kita harus mengambil tanggungjawab dunia; maknanya kita telah dapat menyelesaikan, menangani masalah dalam negara kita dengan baik, so dengan izin, we feel that we tought to share some of the international responsibilities as the good world citizen.

Jadi, sebab itu saya rasa saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana mengambil berat pengaturan berkenaan dengan kebajikan orang-orang pelarian seperti Rohingya, kita bagi duit bantuan dan juga seperti yang sekarang ini sedang berlaku yang kita tengok di Sarajevo, di Bosnia-Herzegovina yang mana kita tengok iaitu bahawa tertindasnya satu golongan. Bukan sahaja orang-orang Islam tetapi juga orang Croatia yang duduk di Serbia juga ditekan oleh orang-orang Serbia iaitu yang sedang berlaku di Bosnia.

Cuma saya ingin meminta kepada Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri, pada hari ini semeraangnya sudah ada embargo United Nations yang mana sudah tentu Malaysia juga harus akur kerana kita menjadi anggota Bangsa-bangsa Bersatu. Kalau keputusan sudah dibuat oleh Majlis Keselamatan iaitu embargo itu harus dikenakan terhadap Yugoslavia yang "the rump state." sekarang ini, maka sudah tentu Kerajaan kita mesti akur dengan keputusan itu . Jadi, saya ingat itu tidak berbangkit, tidak ada masalah lagi. Dan daripada sumbangan, bantuan. kita bagi kita juga- cukup puashati dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memberi bantuan, sokongan kewangan kepada pelarian-pelarian Bosnia-Herzegovina.

Tetapi apa yang kurang menyenangkan diri saya ialah bahawa pada hari soal taraf kedutaan kita yang ada di Belgrade, Yugoslavia yang baru pada hari ini. Itu tidak diambil satu tindakan yang tegas. Pertamanya harus kita fikirkan apakah the new rum state, Yugoslavia yang baru ini, itu merupakan successor dengan izin, kepada Yugoslavia yang lama. Itu belum diputuskan lagi. Jadi, soalnya mengapa kita membuat keputusan iaitu bahawa kita kekalkan kedutaan kita di sana. Cuma apa yang kita lakukan kita turunkan taraf dia kepada konsul. Sepatutnya Yugoslavia yang ada hubungan dengan negara kita dahulu ialah Yugoslavia yang lama yang mempunyai Slovenia, Croatia, Meccadonia dan juga Bosnia-Herzegovina bersama dengan mereka. Tetapi kalau sudah hari ini wilayah-wilayah republik ini semua sudah keluar, yang tinggal hari ini iaitu Serbia dengan Montenegro, ia tidak merupakan successor dengan izin, kepada the old

Yugoslavia. Sebab itu apa yang kita lakukan iaitu bahawa menurunkan taraf kita daripada duta kepada konsul itu adalah satu tindakan yang tidak betul. Sebab negara Yugoslavia yang kita berkawan itu sudah tidak ada. Sebab itu saya ingin cadangkan iaitu bahawa sepertimana negara Kanada lakukan, sebuah negara yang termasuk dalam golongan Group of Seven telah membuat keputusan tegas, tarik balik. Sebab Yugoslavia tidak ada.

Sebab itu, saya ingin mencadangkan dalam Dewan Negara ini iaitu supaya Malaysia mengambil tindakan yang sama iaitu tidak ada kedutaan di Yugoslavia, di Belgrade yang ada pada hari ini. Negara itu tidak wujud. Sebab apabila kita mengatakan bahawa kita turunkan taraf duta kepada konsul kita masih lagi iktiraf Yugoslavia itu, yang pada hari ini menyuruh orang-orang dia supaya bom habis orang-orang di Bosnia-Herzegovina, di Croatia sendiri, orang yang tidak berdosa. Ini, ini yang mereka lakukan tetapi kita iktiraf, yang menghairankan saya Kementerian Luar Negeri kita kata dalam soal NAM (Non-Aligned Movement) dia kata Yugoslavia tidak boleh jadi Pengerusi NAM kerana Yugoslavia ini bukan Yugoslavia yang lama. Kalau Yugoslavia ini bukan Yugoslavia yang lama buat apa kita masih letakkan lagi duta kita di situ. Ini bercanggah. Kita buat satu keputusan begitu, tetapi dalam satu masa yang lain kita iktiraf dia sebagai sebuah negara.

Saya ingin cadangkan di sini kita tidak boleh iktiraf Yugoslavia ini, sebab ia merupakan sebuah negara yang menggunakan perasaan benci, perkauman yang beratus-ratusan untuk digunakan, dihalakan kepada satu kaum yang lain untuk dihancurkan orang-orang ini. Kita dengar semalam dalam Televisyen Malaysia iaitu pegawai

tentera daripada Kanada bercakap. Dia tidak pernah lihat kebencian yang berlaku yang sepertimana yang dialami dan dia lihat dan berlaku di Bosnia-Herzegovina pada hari ini, yang mana Serbia cukup benci kepada Croatia kerana perbezaan agama. Satu" Orthodox satu Roman Katholik dan kebencian orang Serbia terhadap kaum muslim. Dia tidak pernah lihat. Dia kata iaitu bahawa dia tidak nampak perkara ini boleh selesai. Sebab itu, bagaimana kita boleh mempertahankan kedudukan kita untuk mempertahankan Regim Yugoslavia yang pada hari ini menggunakan kekerasan dan kebencian perkauman yang telah wujud beratus-ratus tahun membunuh orang lain, yang ini kita sbkong dan iktiraf scbagai sebuah negara yang telah succed dengan izin, Yugoslavia yang lama. Saya mahu Kementerian Luar Negeri ambil tindakan Cegas. Tidak cukup tidak cukup untuk menurunkan taraf kedutaan kepada konsul tetapi harus panggil balik duta kita dan tutup kedutaan kita di Belgrade yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya menyebut sebentar tadi iaitu saya cukup bangga tentang peranan yang dimainkai oleh Kerajaan kita dalam membantu masyarakat yang dianiaya daripada segi perikemanusiaan. Saya kira iaitu bahawa Kerajaan kita tidak kira sama ada yang dianiaya itu Islam ataupun tidak tetapi yang penting kepada kita, kita harus atasi soal bahawa kita hanya harus bantu orang yang beragama Islam sahaja. Dengan izin, I think we should grow out of that. Kita harus bantu tidak kira sama ada orang itu Islam ataupun tidak tetapi kalau dia merupakan satu golongan yang dianiaya, dan kalau sekiranya orang yang dianiaya itu duduk dalam kawasan yang dekat dengan kita, maka kita harus tolong. "Sebab itu, Kerajaan Malaysia bersetuju menghantar, Tuan yang di-Pertua bekas Jeneral, saya kira sokong juga dasar kita. Kita tidak kira, kita



punya askar tahun 1960an dulu hantar ke Congo. Orang Congo bukan Islam tetapi kalau mereka perlukan kepada kita sebagai sebuah negara yang taat kepada Piagam Bangsa-bangsa Bersatu, kita harus tolong. Kita hantar ke Namibia dan pada hari ini kita hantar juga ke Kampuchea.

Jadi, kita tidak boleh gunakan asas semata-mata kerana dia Islam maka itu memang kita mesti tolong. Tetapi jangan kita gunakan asas kerana dia Isla kita tolong. Saya ingat, sebagai sebuah negara yang majoriti orang Islam, kita tidak boleh pemikiran kita itu hanya narrow, memikirkan kepada masalah iaitu yang ada kaitan dengan orang Islam sahaja. Saya kira sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka kita harus juga melihat soal ini soal perikemanusiaan. Apakah kita hendak kata iaitu kalau kita melihat ada satu orang itu dibunuh ataupun dianiaya, maka kita tanya **dia**, you agama apa? Kristian, ha Kristian saya tak payah tolonglah. Saya ingat bukan begitu.

Saya rasa agama Islam tidak menyuruh kita memilih bulu, sama ada sebelum kita hendak bantu orang itu kita hendak kira dia Islam atau tidak. Saya langsung tidak boleh terima kalau ada orang berkata kepada saya bahawa Kerajaan Malaysia harus fikir untuk membantu orang Islam sahaja. Kuwait dengan Iraq berperang, siapa tolong Kuwait? Kita pada tahun 1965 dahulu Indonesia, tak apalah sebut dalam Parlimen, apa peduli, Indonesia negara Islam, dia lawan kita, siapa tolong kita? Iraq tolong kita? Saudi Arabia? Tidak, Australia. Kerajaan Australia baik, bukan macam rakyatnya. Yang tak baik rakyatnya, tetapi Kerajaannya baik, dia tolong kita.. Jadi sebab itu cara pemikiran kita dalam soal bantuan, jangan terlalu hendak asaskan kepada Islam,. sebab satu hari nanti-kalau kita susah, negara Islam pun tak mahu tolong kita dan kita pernah alami masalah ini pada tahun 1965 yang mencero boh negara kita ialah Indonesia, yang satu rumpun, tetapi. yang datang tolong kita, siapa? Orang bukan Islam.

Sebab itu bila hidup dalam sebuah dunia yang seperti ini, kita tak boleh, dengan izin, rely sangat tentang asas bahawa kita satu rumpunkah, kita satu agamakah, itu belum lagi dapat menentukan sama ada mereka akan datang bantu tolong kita ketika kita berada dalam kesusahan. Sebab itu saya menyanjung tinggi usaha Kerajaan yang mana bantuan yang diberikan bukan sahaja kepada golongan masyarakat Islara yang tertindas, tetapi juga kita memainkan sebagai sebuah negara yang berperanan untuk mengatasi masalah atas soal perikemanusiaan tanpa kira agama dan bangsa. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Malaysia kita.

Masih lagi dalam perbelanjaan Kementerian Luar Negeri ini. Saya difahamkan bahawa, di antara lain, wang telah digunakan untuk lawatan luar negeri. Saya kira bahawa sudah tentu kita ada peruntukan yang telah ditentukan bagi sesuatu lawatan. Sememangnya kita tahu bahawa kadangkala kita rancangkan, tetapi kadang-kadang dunia mengadakan satu-satu seminar, jadi tanpa pengetahuan kita ditentukan tarikhnya, maka kadangkala kita perlu belanjakan. Jadi tidak hairanlah maknanya kalau Perdana Menteri walaupun tahun lepas tidak dirancangkan untuk dia melawat sesuatu tempat, tetapi pada tahun ini ada satu keputusan dunia yang mengatakan ada conference di mana-mana dan dia terpaksa pergi, kita faham bahawa terpaksa dikeluarkan perbelanjaan untuk beliau melawat ke luar negeri, sebab beliau merupakan Perdana Menteri, kepada saya ialah Chief Executive of the Government. Jadi dia sudah tentu suka atau tidak suka mesti hadir dalam mesyuarat mesyuarat yang dianggap penting untuk negara kita.

Tetapi apa yang saya merasa hairan berkenaan dengan lawatan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Saya tidak nampak di mana ada kecemasan yang terpaksa beliau pergi, sebab sudah tentu segala lawatan dia memang kita beri peluanglah dia hendak melawat satu, dua negeri dalam masa setahunkah, itu kita boleh rancangkan. Tetapi apa yang menghairankan saya, macam mana boleh berlaku satu kecika yang mana kalau kita rancang untuk dia melawat dua tempat dalam satu tahun, boleh jadi dia hendak melawat sampai 4, 5. Apa keperluan dan kecemasan yang memaksa kita untuk membenarkan dia melawat ke luar negeri walhal dia sebenarnya tugasnya tidak ada

apa, lawatan itu cuma lawatan secara formal sahaja, tidak ada benda yang dirundingkan.

Jadi sebab itu saya difahamkan bahawa peruntukan untuk lawatan beliau pada tahun 1992 ini \$2 juta. Dan saya dengar bahawa pada tahun ini dia telahpun melawat ke Australia dan Europe, sudah dua kali. Saya difahamkan bahawa masih ada lagi tiga lawatan yang di luar jangkaan untuk beliau lakukan dalam tahun ini. Jadi perbelanjaannya lebih. Soalnya apakah perlu untuk diteruskan lawatan ini? Kalau telah diperuntukkan \$2 juta, bermakna harus rancangkanlah lawatan itu cukup, kalau dua visit satu tahun, bermakna perbelanjaan \$2 juta. Tetapi kalau hari ini kita dengar mungkin ada additional requirement, keperluan yang lebih, dekat \$2 juta lagi. Jadi saya rasa apakah perlu lawatan ini yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, sebab kita tahu bahawa lawatan itu bagi beliau tidak ada benda yang kecemasan, sebab dia boleh rancangkan. Dia bukan Ketua Eksekutif, dia simbol sahaja. Jadi sebab itu kita ingin tanya apakah perlu diteruskan dengan lawatan yang dirasakan pada tahun ini tidak perlu tunggulah sahaja tahun depan.

Dalam lawatan beliau, kita juga ingin bertanya tentang soal protokol, Yang saya tahu iaitu Kalau Lawatan di mana-mana sekalipun yang dilakukan oleh sama ada The King ataupun President, selalunya protokolnya itu, The President and the wife, The King and his consort, Tetapi apa yang kita lihat lawatan yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-pertuan Agong kita kadangkala sampai bawa begitu ramai orang yang ikut sama. Jadi yang mendatangkan masalah protokol di negara yang kita melawat. Mungkin pada kita, kita rasa

oleh kerana ini semua orang-orang dia, kita hendak kena jaga. Tetapi bagi pihak Australia, dia tidak peduli. Dia cuma tahu bahawa The King and his consort, that is all. Sebab itu dalam lawatan ini juga, saya mahukan supaya pihak protokol tegas. Kalau maknanya lawatan itu ialah The King and his consort, pastikan banquet atau apa sekalipun, The King and his consort. Jangan sampai The King and his consort, lepas itu ada orang-orang lain lagi akhirnya Menteri yang ikut bersama dalam lawatan itu duduk di hujung sana. Sebab soal protokol ini kalau dalam negeri kita, bolehlah kita faham, boleh tolak ansur. Tetapi kalau kita hendak bincang protokol di luar negeri, kalau kita kadangkala, sampaikan Menteri yang datang bersama duduk di hujung sana. Kadangkala dalam banquet ditetapkan kerusi siapa duduk, dia cuma tahu yang akan datang ialah The King and his consort, dengan Menteri itu, tetapi ada pula yang lain. Ini kita harus ingat. Protokol ini penting.

Kita tidak mahu bila kita melawat negara orang lain, maka apa yang kita lakukan ialah kita, dengan izin, burden the host country dengan perkara ini. Sebab itu kadangkala orang kata negara kita ini macam kingdom yang datang daripada tahun dulu-dulu, tak faham protokol, sampai bawa geng-geng, hulubalang sampai ke sana. Ini kita harus pastikan. Pihak protokol kita mesti tegas, sebab kita ada peraturan. Pihak Kementerian pun saya harap Menteri kena tegas, sebab kita ada peraturan. Jangan sampai memalukan kita yang mana dalam lawatan ini daripada segi protokolnya beratur-atur orang yang tidak sepatutnya diletak dalam protokol yang ada dalam negara yang mana menjadi host kepada visit daripada kita.

Saya minta dalam soal lawatan ini, segala kos yang akan dibelanjakan oleh Kementerian ini biarlah kos yang incurred, dengan izin, oleh The King and his consort, not anyone else, cuma The King and his consort. Jangan pula dengan yang lain-lain ikut sama itupun Kerajaan Malaysia akan tanggung. Kadang-kadang kalau kita tak tanggung pun, dia sudah pergi ke sana, apa kita hendak buat? Untuk mengelak malu, terpaksa kita tanggung. Jadi ini harus dijaga oleh pihak Kementerian Luar Negeri kita.

**Jen. (B) Tan Sri Dato Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:**  
Lawatan Yang Berhormat sebutkan tadi tentu sekali tertakluk kepada pihak yang meluluskan?

**Tuan Haji Mobamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, Kementerian Luar Negerilah. Sebab itu saya kata, Kementerian Luar Negeri kena tegas dalam soal protokol. Walaupun ada permintaan daripada pihak tertentu hendak bawa anakkah, cucukah, mesti tegas.

Yang keempat, dalam soal Kementerian Luar Negeri ini juga, iaitu soal Australia, Kerajaannya baik. Saya telah melawat Australia, saya dapati Kerajaannya memang sebuah Kerajaan yang baik, oleh kerana Kerajaan itu baik, tetapi pada hari ini kita tengok sudah goncang, goyang, sebab rakyat Australia itu, memang 'penyangak' dan orang yang tidak faham tentang tamadun. Saya tidak tahu mungkin keturunannya, mungkin bukan keturunan yang baik saya tidak tahu, tetapi kalau kita tengok rakyatnya hari ini seolah-olah apa yang berlaku dia sahaja yang betul. Kita tahu seperti cerita Raja Baharin.

Saya baca akhbar yang diterbitkan di Australia, banyak mengutuk Kerajaan kita, mengutuk orang-orang Islam di Malaysia, mengutuk orang Melayu seolah-olah orang yang tidak bertamadun. Ini rakyatnya, saya tidak bercakap tentang Kerajaannya, Kerajaan dia memang bertungkus-lumus cuba hendak baik dengan kita, tetapi rakyatnya yang tidak faham, kulit sahaja putih tetapi duduk di dalam lengkungan kawasan Asia kawasan kita. Oleh kerana itu, rakyat Australia harus faham iaitu bahawa dalam apa soal kebudayaan sekalipun dia kena ikut cara kita, kita bukan duduk di Eropah. Dia yang datang daripada Eropah duduk di dalam kawasan kita. Sebab itu, kita hendak beritahu kepada mass-media tempatan tolong beritahu mass-media Australia, kita hendak memberitahu kepada dia, iaitu kalau dia boleh bangkit perkara yang mana oleh menyebabkan

rakyat Australia itu benci kepada kita, saya hendak beritahu kepada dia, kita juga boleh buat perkara yang sama. Kita boleh suruh rakyat kita di Malaysia ini supaya benci kepada Australia, tetapi kita tamadun. Sayapun tidak tahu sama ada dia tamadun atau tidak dan saya tidak- mahu mempertikaikan tentang keturunannya, asal daripada mana, tidak tahulah....

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua,, saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhorraat Tuan Haji Mohamed Nazri, dia menyatakan bahawa rakyat Australia telahpun menggunakan berbagai-bagai itu memburukkan Kerajaan Malaysia, nampaknya kertas inl bertimbun-timbun begitu-banyak. Saya ingin minta penjelasan, bolehkah beliau memetik sebahagiannya sebagai contoh kepada kita, apakah yang dikatakan pihak rakyat. Australia telah menghentam Kerajaan kita, khususnya di bidang keislaman? Terima kasih.

**Jen;(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Yang Berhormat, sebelum itu saya percaya rakyat yang disebutkan tadi ialah mereka "yang kurang sopan, hendak dikatakan rakyat pada keseluruhannya, saya ingat kurang tepatlah. Itu maksud Yang Berhormat tadi; ya?

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak kata rakyat semua/Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang mana ditulis di dalam akhbar hari-hari keluar. Saya ada pergi ke Australia dan saya tahu iaitu majoriti besar di kalangan rakyat Australia memang macam itu, dia memang merasakan bahawa apa yang dibuat itu semuanya benar. Sebagai



contoh kerana Yang Berhormat Ustazah Hajah Zaleha minta saya sebut. Satu disebut dia kata "Adoption is Australia Exceed Test" dan starting atau leading dia kata 'Allah Will?' Kehendak Allah? Jawabnya 'Rubbish'. Adakah sopan macam ini? Dia hanya memikirkan dia sahaja, saya tidak mahu sebut yang lain, kalau saya sebut yang lain, bukan saya yang naik darah, tetapi takut Tuan Yang di-Pertua, naik darah.

Kita hendak tanya kepada rakyat Australia semasa seorang bekas isteri, masa itu dia meninggalkan negara Malaysia, dia tipu suaminya, dia bawa anak dua orang kononnya hendak melawat ibunya di Australia, dia tidak beritahu dia hendak ceraikan suaminya. Jadi, apakah perbuatan isteri itu boleh dipertahankan? Maknanya dia menipu, dia bawa lari, bukankah itu satu perbuatan, kalau dia tuduh kepada rakyat Malaysia tadi mencolek anak, bukankah bekas isteri tadi mencolek anak daripada Raja Bahrin? Itu kita hendak tanya.

Pada ketika itu Allah s.w.t sahaja yang tahu kesengsaraan yang dihadapi oleh Raja Bahrin. Tetapi pernahkah Raja Baharin beritahu kepada Kerajaan kita, tolong, bekas isteri saya tipu saya, bawa anak lari di Australia, tanpa pengetahuan saya, menceraikan saya di sana? Ada Raja Bahrin jurapa dengan Kerajaan kita minta bantuan? Ada Raja Bahrin jumpa atau minta dengan PBB? Ada atau tidak Raja Bahrin raasukkan berita ini ke dalam akhbar pada tahun 1985 macamana jahat rakyat Australia ini menipu dan mencolek anaknya. Dia tidak buat begitu, tetapi pada hari ini, kerana orang itu rakyat Australia, maka Raja Bahrin buat benda yang sama macamana bekas isterinya buat

kepada dia, maka pada hari ini seluruh rakyat Australia, majoriti daripada mereka mengatakan orang Malaysia jahat, mencolek anak Australia. Mana ada anak Australia? Kedua-dua anak itu lahir di Malaysia, yang dia colek anak di Malaysia ini kita tidak bisingpun, Raja Bahrin tidak pernahpun beritahu kepada akhbar dan public di Malaysia pun tidak pernah bangkit menyuruh hentam Australia, sebab itu soal peribadi, tetapi apa yang berlaku di Australia pada hari ini kerana yang kena hari ini ialah rakyatnya, maka seluruh bangsa Australia, rakyat Australia mengatakan bahawa kita orang Malaysia ini jahat. Jadi kita hendak tanya dia balik, yang jahatnya rakyat dia, kurang ajar punya orang, sebagai seorang isteri, ya betul! Sebab memanglah keturunan kurang ajar macam ini. Saya minta maaf 'kurang ajar' boleh digunakan dalam Dewan?

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd.**

**Seth:** Tidak boleh.

**Tuan Baji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak boleh. Saya tarik balik, 'kurang sopan'. Sebab itu kita hendak beritahu kepada Australia iaitu rakyatnya jangan dia merasakan bahawa dia sahaja, orang Australia sahaja yang mempunyai perasaan emosi, kalau sekiranya perkara itu berlaku kepada rakyatnya. Kita hendak beritahu kepadanya iaitu bahawa kita rakyat Malaysia juga mempunyai perasaan yang sama seperti dia, kaiau dia hendak menggunakan media-massa hendak membangkitkan rakyat Australia benci kepada Malaysia, kita juga boleh buat benda yang sama. Sebab itu

saya ucapkan tahniah kepada Menteri Dalam Negeri dan juga polis, kita kawal di mana-mana supaya jangan berlaku sesuatu ke atas budak dua orang ini, rakyat Malaysia dapat terlepas daripada negara kita yang mungkin akan dicuba untuk dicolek. Saya pasti, sudah tentu dirancang oleh ibu dan suami barunya untuk mencari jalan bagi mengambil balik budak-budak ini, daripada segi kesahihan, memang budak ini adalah warganegara Malaysia, dan dia telah dibawa keluar dengan secara yang haram, sebab itu Australia tidak berhak untuk mengatakan bahawa budak-budak ini tidak boleh dibawa balik ke Malaysia, kita beritahu kepada dia, di bawah undang-undang kita, budak-budak ini adalah warganegara Malaysia, dan menjadi tanggungjawab setiap rakyat dalam negara Malaysia kita ini untuk mendaulatkan undang-undang kita dan memastikan jangan dibenarkan budak dua orang ini dapat dicolek keluar daripada tanahair kita.

Ini Australia kena ajar sedikit Tuan Yang di-Pertua, dia merasakan bahawa dia sahaja yang betul, sebab itu dia mengatakan kita bermacam-macam perkara. Sebenarnya dia cemburu, rakyat Australia sudah cemburu sebab negara kita ini begitu aman damai, maju yang mana dia tidak dapat hendak capai, jadi macam perangai orang putehlah, dia akan 'sporting' kalau menguntungkan dia, tetapi kalau tidak menguntungkan, dia tidak mahu menggunakan perkataan 'sporting', dengan izin. Ini adalah perangai orang kulit puteh, memang daripada dahulu peranganinya, dia hendak "atas" daripada kita. Kalau dia nampak kita lebih sedikit dia akan cari jalan cara raana hendak menjatuhkan kita, sebab itu dalam soal sukanpun nanti saya cakap, yang mana sukan kita kuat, dia tidak beri kita masuk Olimpik, badminton baru ini sahaja, pada hal badminton kita sudah main tahun 1949, tetapi yang handball itu, yang kita tidak tahu berapa negara yang main handball - sedangkan itu Olympic Game, ini cara orang putehlah "the Western Hypocrisy".

Akhir, untuk Kementerian Luar Negeri ini, saya hendak bercakap tentang Al-Arqam. Kalau Sheikhul Arqam boleh maknanya isytiharkan iaitu bahawa dia bukan warganegara Malaysia, saya ingat lantaklah. "Lantak"- boleh pakaikah perkataan "Lantak". Tidak apalah, Dia hendak buat apapun tidak apa. Tetapi oleh kerana dia itu masih lagi warganegara Malaysia, maka kita harus kawal tindak-tanduk dia. Sebab tindak-tanduk dia,"dia beritahu bahawa dia itu, Sheikhal Arqam itu dia Islam yang betul. Bagi mereka yang tidak ada kesempatan untuk datang ke negara kita, dia akan diberikan satu gambaran iaitu bahawa di Malaysia inilah Islamnya yang macam Arqam ini.

Sebab itu saya, minta kepada Kementerian Luar Negeri, jangan benarkan dia terlalu bebas untuk mengadakan hubungan dengan mana-mana pertubuhan di luar negara kita. Memang benar, iaitu bahawa kalau di luar negara kita susahlah hendak kawal, Ambil passport dia. Sebab kita tidak mahu satu orang yang pergi ke mana-mana tempat memberikan gambaran yang tidak benar mengenai agama Islam itu sendiri. Dan sememangnya kita semua tahu iaitu di tanahair kita. Arqam ini tidak, diiktiraf. Dan kalau pengikut-pengikut dia pergi ke luar negeri bercakap tentang Arqam, maka gambaran yang akan diberikan kepada orang-orang luar yang tidak ada kesempatan untuk datang ke Malaysia akan menganggap iaitu bahawa orang Malaysia yang beragama Islam semuanya macam Arqam ini.

Sebab itu saya minta kepada Kementerian Luar Negeri, fikir cara macam mana untuk kita menghalang orang-orang ini daripada pergi ke

luar negara untuk meluaskan pengaruhnya, Kalau untuk kepentingan dia kita tidak peduli. Tetapi akan menjejaskan nama baik masyarakat Islam yang ada dalam negara kita yang sebahagian besarnya menolak "Aurad" yang ditajakan oleh kumpulan Arqam ini. The majority of Muslim reject Arqam, dengan izin. Mengapa dia harus diberikan kebenaran di luar negara untuk mempengaruhi orang-orang luar seolah-olah memikirkan iaitu bahawa cara dia itulah cara Islam yang ada di dalam negara kita ini. I think, we have to seriously think the ways how to prevent this from happening in the future, dengan izin. Saya ingat itu bidang kuasa Kementerian Luar Negeri. Saya minta maaf kepada kawan saya, sebab saya hendak berucap memakan masa sedikit.

Sukan Kita tengok ada pembayaran yang dibuat untuk sukan \$1 juta. SUKMA: SUKMA ini ialah sukan untuk rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan kedudukan. Oleh kerana itu, bila kita di padang permainan jangan fikirkan iaitu kita ini "Raja" ataupun kalau "Tan Sri" kalau di padang bola you are just one of 22 players. Kalau you hendak main boleh, dalam undang-undang dia ada "consenc" yang tidak dibincang. You "consent" yourself to be injured; bukanlah purposely tetapi unintentionally injured. Itu biasalah. Ataupun kalau kita bermain, kita kalah nasiblah kalah. Apa yang menyedihkan kita seperti yang disebutkan oleh Tuan Haji Azman Atar, orang main hoki tidak dapat score goal, saya pun tidak marah kepada goalkeeper itu. Orang hendak pukul bola itu kepada dia is another Johore player. Apa pasal pula dia block goal tadi, dia harus dianiayakan? Saya minta supaya mangsa ini, jangan benarkan perkara

ini begitu sahaja. Sebab kalau tidak silap saya, saya mungkin salah iaitu dengan izin, the law only protect the Sultan, his consort and Raja Muda. Yang lain-lain itu saya rasa memang terletak di bawah undang-undang biasa.

Sebab itu saya harap mangsa itu dan juga Perak sebut Perak, Dato' Azumu pandang saya. Majlis Sukan Negeri Perak jangan biarkah perkara ini begitu sahaja. Sebab they will never learn a lesson. Mesti. ambil tindakan, Apa pasal pula kalau kita consent, dengan izin, untuk main dalam satu permainan maka dia harus ada special rule. Kalau tidak boleh jangan masuk hoki, beri orang lain. Beri rakyat biasa main. Apa pasal pula dia ada kelebihan dia? Kalau begitu, kalau masing-masing "Raja" ada kelebihan untuk main dalam hoki lebih baik kita panggil semua "Raja-Raja" kita masuk dalam hockey team ini. Pasukan Perak pun kita dapati ramai anak Raja, suruh dia main semua sebab rakyat tidak akan buat apa. Kalau kena pukul pun rakyat tidak boleh saman. So, don't play the game kalau you tidak boleh terima hakikat bahawa apabila you main sukan itu, semangat bersukan itu harus ada dalam diri you walaupun awak itu anak Raja. Jangan bersukan kalau tidak boleh terima.

Sebab itu saya setuju dengan apa Tuan Haji Azman Atar cakap iaitu bahawa untuk kita maju ke hadapan dalam kita menghadapi Sukan Koraanwel 1998 ini, 6 tahun lagi kita minta kepada Duli-Duli "Tuanku kita takusahlah pegang jawatan-jawatan Presiden. Sebab orang lain tidak boleh buat kerja. Hendak tegur takut kena penyepak. Dan kalau tidak tegur, sukan merosot orang tidak berani marah kepada Presiden dari Raja itu, tetapi orang marah kepada pegawai lain. Deagan izin, the world is so unfair!

Kalau kita sebagai pemimpin atau kalau saya sebagai pemimpin, saya rasa kehadiran saya dalam satu jawatan itu tidak akan dapat menguntungkan persatuan, saya letak jawatan. Kalau pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua kata saya sebagai Ahli Dewan Negara tidak menguntungkan Dewan Negara, saya letak jawatan hari ini. No problem.

Sebab itu, kita harus fikir untuk kepentingan semua. Jangan kita ikut nafsu kita hendak, tetapi tidak boleh buat kerja. Dan kita rahu tahun 1998, kita akan membelanjakan wang begitu banyak, kita mesti berusaha ke arah pastikan jangan ada perkara yang boleh menyebabkan kita lemah apabila kita menghadapi Sukan Komanwel 1998. Sebab itu, kalau kita cinta kepada negara kita, sama ada kita ini orang biasakah, Rajakah maka kita harus duduk dan kita fikir, Kalau kehadiran kita dalam satu persatuan itu tidak akan mendatangkan keuntungan kepada sukan keseluruhannya bagi menghadapi Sukan Komenwel 1998, kita letak jawatan. Jangan tunggu orang kita lawan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam politik ini pun kita jangan tunggu orang lawan kitalah. Kita rasa orang sudah tidak suka kita, kita cabut. Begitu juga dalam sukan. Jangan tunggu sehingga kita hendak lawan kita. Tetapi kadangkala orang lawan kita ini, orang tidak betul pun ada juga. Kita kena lawan dia balik. Kalau sudah kita nampak benda yang tidak betul hendak lawan kita, yang boleh merosak persatuan, itu wajib kita kena lawan dia. Tetapi kalau kita umum tahu iaitu kita hadir di situ the persatuan become stagnant, cannot move. Hendak beri cadangan pun takut. nanti apa Presiden kata. Saya ingat lebih baik kita berhenti, Because we are not

conduciye towards the progression of sports in the country. Sebab **itu**, saya sokong apa yang Tuan Haji Azman Atar sebut. Raja-raja ini tak usah campur tanganlah dalam hal benda-benda yang diceburi rakyat ini. Duduk sebagai Raja sahaja. Duduk baik-baik, benda-benda macam ini biar kita tadbir. Sebab kalau ada kesilapan yang dilakukan oleh kita orang boleh hentam kita, no problem. Tetapi kalau ada benda yang tidak baik, dia jadi Presiden orang tidak boleh hentam dia. Maka tidak akan boleh berlaku perubahan. Benda itu akan terus merosot. Sebab itu, demi kepentingan sukan dalam, negara kita, pemimpin-pemimpin harus fikir kehadiran dia itu kalau tidak menguntungkan persatuan, lebih baiklah letakkan kepentingan negara atas daripada kepentingan peribadi.

Dan dalam sukan ini juga, saya ini bercakap tentang iklan. Saya sokong Yang Berhormat Tuan Dahlan, dia merupakan seorang perokok. Maklumlah dia kata umur dia sudah begitu maka enjoyment dia just smoking. Saya muda, saya ada enjoyment lain. Dia cuma smoking, My enjoyment is reading because ray eyes is still okay.

Iklan rokok hari ini kita tahu bahawa kalau tanpa iklan rokok hari ini tidak mungkin....



**[Tuan Haji Azman Atar bin Othman mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hormati Tuan Presiden baru. Hari ini kalau tidak kerana iklan rokok, jangan mimpilah kita hendak dapat balik Piala Thomas ini. Mula-mula sekali tahun 1986, Dato<sup>1</sup> Seri Haji Mohd. Najib telah memikirkan untuk mewujudkan satu pasukan yang boleh mengembalikan Piala Thomas ke tanah air kita. Beliaudengan Dato' Bandar telah bekerjasama meminta kepada Marlboro untuk memberikan wang yang banyak untuk membantu pasukan kita pada ketika itu. Banyak wang yang telah dibelanjakan, hingga Marlboro tidak sanggup hendak teruskan, dan hari ini Rothmans. Sebab kerana syarikat rokok inilah pada hari ini kita lihat iaitu bahawa kita telah berjaya untuk mendapatkan kembali Piala Thomas yang sememangnya, setelah 25 tahun, saya rasa entah sampai bilalah kita hendak menang Thomas Cup ini.

Tetapi syukurlah kita kepada Allah s.w.t, kita telah menang. Tetapi jangan lupa bahawa sebahagian besar contribution yang memerlukan wang yang begitu banyak adalah datangnya daripada syarikat rokok. Hari ini pun saya percaya, kalau kita lihat Televisyen Malaysia Sukan Olimpik kalau tidak kerana syarikat rokok, tidak usah mimpilah kita hendak lihat. Tetapi pada hari ini kita lihat iaitu bahawa ada usaha untuk mengatakan bahawa tidak boleh lagi syarikat rokok hendak iklan, seolah-olah dengan adanya iklan rokok ini menambahkan lebih ramai orang merokok.

Saya sebenarnya berasa salah kepada Syarikat Dunhill, Rothmans, sebab saya melihat iklan di televisyen tetapi saya tidak pernah beli rokok mereka. Saya juga rasa bersalah dengan Rothmans kerana Rothmans membelanjakan begitu banyak wang untuk Piala thomas dan saya lihat hari-hari kita menang tetapi saya tidak pernah beli sebatang pun rokok Rothmans. Kalau pada hari ini orang berkata bahawa iklan itu boleh mempengaruhi saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Tuan Dahalan iklan itu boleh mempengaruhi untuk tukar "brand" sahaja. Itu sahaja. Kalau macam saya yang tidak hisap rokok, belanjalah berapa juta ringgit sekalipun untuk iklan, saya tidak akan hisap rokok, Memang saya tidak hisap rokok.

Sebenarnya, sasaran iklan ini bukan untuk menambahkan lagi orang menghisap rokok, cuma dia lawan sama dia. Kalau orang itu memang kaki rokok, dia tengok Dunhill, dia tidak berapa hendak sokong sangat, "Ah! baik aku tukar kepada Rothmans", sebab dia perokok. Tetapi dia tidak boleh mempengaruhi saya untuk menghisap rokok kalau saya sudah merupakan orang yang tidak pernah menghisap rokok, Alasan yang diberikan oleh setengah-setengah pihak yang mengatakan bahawa iklan ini menyebabkan ramai penuntut-penuntut menghisap rokok, saya rasa saya tidak boleh terima, Betul, sekarang memang ramai. Saya percaya dalam zaman Tuan Yang di-Pertua dahulu, Tuan Yang di-Pertua jadi penuntut, hisap rokok juga. Tiada iklan pada masa itu, tetapi curi-curi hisap rokok. Pada tahun 60an semasa Yang di-Pertua jadi penuntut, pada masa itu katalah penuntut ada 100,000 yang mana 1,000 orang curi-curi hisap rokok, ini adalah

kenakalan budak-budak. Tetapi zaman sekarang jumlah penuntut bukannya 100,000...

**Tuan Azmau Atar bin Othman:** Masa itu rokok pucuk, bukan rokok sekarang, rokok gulung, rokok daun.

**Tuan Haji Mohamed Hazri bin Abdul Aziz:** Rokok gulung? Rokok pucuk itu murah sedikitlah. Kalau kata di zaman Tuan Yang di-Pertua dulu, penuntut cuma 100,000 dan yang curi-curi hisap rokok katalah 1,000 orang, hari ini penuntut-penuntut bukan lagi 100,000, penuntut-penuntut mungkin, katalah satu juta jumlahnya. Kalau dahulu penuntutnya 100,000 dan yang menghisap rokok 1,000 iaitu 1%, kalau 1% dari satu juta menjadi 100,000. Mereka ramai bukannya kerana iklan rokok tetapi kerana penuntutnya sekarang ini sudah ramai. Itu biasalah progression yang berlaku dari tahun ke tahun. Kita tidak boleh kata kerana iklan ini berleluasa dalam Televisen Malaysia, maka telah ramai penuntut menghisap rokok.. Ramai penuntut hisap rokok kerana penuntut sudah ramai, sudah tentu jumlahnya pada hari ini jika dibandingkan dengan jumlah zaman Tuan Yang di-Pertua dahulu, memanglah begitu berleluasa. We cannot use that arguement. Sebab kepada saya kenakalan budak-budak ini memang ada. Saya pun nakal. Saya percaya di masa dahulu, kita yang ada di sini, tidak semualah, saya rasa ada, Yang Berhormat Zainol ini pun semasa di sekolah dahulu dia pun hisap rokok. Ini kenakalan. Jangan gunakan alasan sekarang ini sudah ramai penuntut yang hisap rokok, mereka curi-curi, maka kita katakan ini pengaruh iklan. Saya ingat tidak.

Kalaulah syarikat rokok tidak dibenarkan iklan dalam televisen atau di mana-mana, saya rasa banyak wang yang tidak dapat disalurkan

kepada sukan itu. Kita jangan bunuh "angsa yang mengeluarkan telur emas". Tak usahlah. Cari jalan yang lain. Dalam sebuah negara yang bebas berniaga, janganlah kita kenakan syarat seperti ini kepada syarikat yang berniaga secara bebas dan meaghalang mereka "ini tidak boleh, itu tidak boleh." Itu terpulang kepada rakyatlah. Kalau rakyat jadi kaki hisap rokok, tak payah iklan pun mereka hisap rokok bukan kerana iklan. Kalau kita, buat satu survey pada hari ini dan kita bertanya kepada yang menghisap rokok, "Mengapa. kamu hisap rokok?", saya rasa tidak seorang pun yang akan mengatakan yang dia hisap rokok kerana iklan tiada. Sebab itu dalam apa yang kita hendak buat, jangan kita buat perkara. itu tergesa-gesa iaitu nampak satu perkara," terus potong tanpa kita memikirkan kesannya terhadap sukan ataupun kesan terhadap perkara-perkara lain.

Saya minta supaya pihak-pihak berkenaan yang bersangkutan dalam soal sukan inii iklan rokok tni janganlah dihentikan, sebab kita kena ingat, benda ini bukan haram boleh dibuat. Jadi itu terpulanglah kepada rakyat, itu pilihan mereka, freedom of choice, dengan izin, sama ada mereka hendak merokok atau pun tidak. Jadi, kita harus amalkan ini. Kalau kita kenakan syarat bahawa syarikat rokok tidak boleh iklan, kesannya bukan kepada syarikat itu sahaja, keluarga yang menanam-tembakau itu apa hal? Kita kena ingat. Ah! Senator PAS tidak ada. Saya bercakap ini hendak mempertahankan rakyat Kelantan di Bachok ramai yang menanam tembakau.. Kalau kita tidak benarkan iklan seperti ini, syarikat tidak maju tembakau yang

ditanam di Bachok tidak akan dibeli dan yang rugi nanti ialah orang ramai ini, kesannya kepada orang-orang yang di peringkat grass-root yang mana mata pencarian mereka ialah menanam tembakau. Janganlah ikut sesuka hati, hari ini bila bangun tidur, rasa satu macam, "Hah! syarikat rokok sudah tidak boleh iklan". Janganlah macam itu. Yang menghairankan kita ialah mereka yang mengatakan bahawa syarikat rokok tidak boleh iklan, kadangkala mereka sendiri pun menghisap rokok. Mereka yang bertanggungjawab yang mengatakan bahawa syarikat rokok tidak boleh iklan, mereka sendiri hisap rokok. Apa benda yang mereka cakap, ini double standard, ini yang kita kena jaga. Jangan perbuatan kita ini ikut hati sahaja. Entah apa masalah yang kita hadapi, pagi besok buat keputusan; "Rokok tidak boleh iklan". Fikir baik-baik sebab kita hendak menghadapi tahun 1998, Sukan Komanwel ini dan, kalau tidak silap saya, 20% daripada iklan ini datangnya daripada syarikat-syarikat rokok.

Sebab itu, kita mahu supaya pihak yang tertentu, Menterikah atau siapakah fikir baik-baik. Jangan buat sesuatu tanpa memikirkan kesan jangka panjang yang boleh menyebabkan kerugian kepada kita. Jadi, pendeknya kepada saya, teruskan syarikat "rokok, iklanlah. Sekurang-kurangnya sumbangan saya kepada syarikat rokok untuk mempertahankan mereka walaupun saya telah menonton TV yang ditaja oleh Syarikat-syarikat Dunhill dan Rothman, tetapi satu batang rokok Dunhill dan Rothman. pun saya tidak hisap.

Selain daripada itu, sukan. Saya memang setujuah kita beri peruntukan sukan ini. Sebab ini satu cara yang tidak begitu mahal, mudah untuk kita menaikkan imej negara kita. Hanya Tuhan sahaja tahu, kita susah hendak ukur betapa imej negara kita naik meningkat dengan kemenangan pemain-peraain badminton dalam Piala Thomas baru-baru ini. Yang penting bagi saya ialah pasukan Piala Thomas itu ialah benar-benar pasukan Malaysia. Pemainnya budak Melayu ada juga. Very fair, one single, one double Melayu, one double, one single Cina. India Dato Punch Gunalan, Pengurusnya multi racial, very good. Contoh yang baik, yang mana kalau kita sama-sama berganding bahu, kita boleh langgar Tembok China sekalipun. Pemain Badminton single dan double walaupun keturunan China, tetapi bila dia lawan dengan pasukan China, dia tidak fikir dia daripada negeri China, dia cuma hendak tahu, aku hendak menang untuk Malaysia. Sebab itu sukan ini bagus, Bukan macam parti politik Pembangkang. Dia tidak boleh kerjasama, hendak suruh Melayu, Cina, India bergaduh. Tetapi tengok Badminton budak-budak muda dalam Stadium,

Dewan, duduk sebelah menyebelah, kita tidak fikir Cinakah, Indiakah, kita kira Malaysia main di bawah itu. Kita tidak peduli, kita hendak Malaysia menang. Banyak potensi sukan ini. Sebab itu, saya akan menyokong segala apa perbelanjaan sekalipun untuk memajukan sukan dalam tanahair kita. Saya lihat daripada jangka panjangnya ia boleh menyebabkan kita semua memikirkan bahawa kita ini rakyat Malaysia tanpa kita mengira iaitu bahawa kita ini berbeza agama, kaum ataupun budaya. Saya sokong. Sebab itu kalau Badminton players kita ini, kalau patut memang beri pencen pun tidak mengapa. Kita tengok Korea, semua pemenang Olimpik emasnya, menang emas beri pencen. Memang patut pun, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita tahu dari segi biology, zaman kita boleh bersukan saya ingat cukup pendek daripada umur kita, katalah betul-betul international standard daripada 18 tahun sampai 28 tahun sahaja, lepas itu sudah jadi kuda tua tidak boleh. Sepuluh tahun sahaja. Dan kita tengok ahli-ahli sukan kita ini dalam masa 10 tahun itu zaman remajanya yang harus, sepatut dia luang masanya kepada benda-benda remaja, tetapl dia concenrate sukan. Kadangkala di kalangan raereka ini tidak fikir langsung pada ketika itu patut dia belajar t i d a k mahu, saya hendak main sukan. Jadi, kita kena jaga orang macam ini. Dan kita lihat bahawa orang-orang sukan kita ini sebahagian besarnya datang daripada mereka golongan yang berpendapatan rendah. Ini satu cara yang mana dia boleh memastikan iaitu bahawa pertama dia boleh membantu negara yang dicintai; kedua iaitu dia hendak cari makan dengan sukan ini. Anak-anak orang kaya, mana dia mahu sukan macam ini, dia sukan lain. Dia tidak fikir

sukan. ini, Yang banyak jadi, pemain badminton, bolasepak semua daripada golongan pendapatan rendah, keluarga pendapatan rendah, dia bersukan. Sebab itu, kita hendak jaga kebajikan. dia. Puncaknya 10 tahun sahaja. Pada ketika itu kita semua sanjung mereka. Mereka membelanjakan masanya begitu lama untuk bersukan. Mereka dapat nama baik, Malaysia menang, imej baik, tetapi bila sudah tua, tidak siapa ambil tahu. Ini kita hendak kena jaga orang seperti ini. Sebab zaman remaja, masa mereka bersukan, mereka tidak fikir hendak belajar, mereka cuma fikir hendak bersukan dan mereka hendak represent Malaysia. Sebab itu kita kena jaga orang macam ini. Jangan kita sampai ketika kita sudah guna mereka betul-betul, sudah dapat nama baik, masa ketika mereka sudah tua, kita buat tidak tahu sahaja. Sebab itu Korea beri pencen.

Memang ahli sukan ini bukan mudah, kita boleh cakap di kalangan kita, kalau tengok orang, bersukan saya kalau tengok sukan kalau badminton macam Thomas Cup tidak duduk senang, sekejap hendak pergi bilik air, sekejap ke bilik air. Kadangkala keluar daripada bilik dengan harapan bila balik nanti dengar berita baik. Itu kita yang tidak main Yang mereka atas gelanggang, macam mana? Hendak; pecah perut lagi pula, tetapi kerana demi kesukanan untuk kepentingan negara mereka buat. Sebab itu, saya hendak cadangkan iaitu, supaya difikirkan, bagi mereka yang dapat memenangi sukan antarabangsa yang maknanya, katalah ikut standard. Kalau Olimpik beri pencen sekian banyak, kalau Commonwealth Games kita berilah. Fikirkan, ini rakyat kita dan mereka pun banyak berjasa. Saya pun tidak kata iaitu pegawai Kerajaan semua tidak berjasa. Kita semua



berjasa. Kita, saya, saudara, pegawai Kerajaan semua kita berjasa. Besok kita berhenti 55 tahun kita ada pencen. Tetapi ahli-ahli sukan mereka pun berjasa, tetapi mereka tua besok tidak ada siapa hendak tahu tentang hal-hal dia. Jadi, sebab itu satu perkara yang baik ialah untuk kita memikirkan supaya macam mana kalau tidak boleh kita ikut cara Korea pemenang emas Olimpik itu kita berikan mereka pencen supaya mereka boleh concentrate memusatkan perhatian mereka kepada sukan sahaja tanpa mereka perlu bimbang tentang masa hadapannya.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan. Pendidikan pendek sahaja. Hari ini kita tengok sudah banyak apa yang dikatakan sekolah swasta yang diwujudkan. Saya rasa ianya tidak akan menjadi masalah kepada kita kalau sekiranya mengikut kurikulum kita. Sebab banyak perkara yang kita swastakan kerana Kerajaan sendiri tidak berkemampuan untuk mengendalinya. Kerajaan mahu supaya negara Malaysia ini menjadi sebuah negara pusat pendidikan, bukan sahaja di dalam Asia Tenggara, tetapi insyaAllah kalau boleh di seluruh dunia. Tetapi walaupun kita mahu supaya negara kita ini sebagai satu pusat pendidikan, kita tidak harus kompromi kurikulum pendidikan negara kita. Suatu masa dahulu England menjadi tempat yang mana semua orang pergi untuk menuntut pendidikan tinggi di sana, tetapi England tidak pernah kata iaitu bahawa boleh datang dan ikut kurikulum awak sendiri, tidak. Kalau mahu belajar di England, ikut kurikulum England, mahu belajar di Australia, ikut kurikulum Australia, kalau belajar di Amerika sekalipun, ikut kurikulum Amerika. Sebab itu kalau kita mahu menjadi sebuah negara yang mana kita menjadi pusat pendidikan di seluruh dunia ataupun Tenggara Asia boleh buka sekolah, tetapi mesti ikut

kurikulum kita. Kita harus mewujudkan satu kurikulum yang boleh menandingi kurikulum negara-negara lain. Kita mahu pastikan iaitu bahawa dalam usaha Kerajaan mahukan supaya negara Malaysia ini menjadi satu pusat pendidikan di Tenggara Asia ataupun Asia, tetapi jangan sampai kita kompromi kurikulum kita. Ini kita tidak mahu. Sebab kalau kita korapromi, apa yang akan berlaku ialah rakyat kita sendiri akan meninggalkan sekolah Kerajaan dan masuk sekolah swasta yang tidak mengikut kurikulum. Ini kita harus jaga.

Saya boleh sokong soal pendidikan ini tetapi saya hendak supaya Kerajaan tegas, mana-mana sekolah swasta yang hendak dibukakan hanya diberikan persetujuan dan lesen untuk dia membuka sekolah dengan syarat dia mesti ikut kurikulum pendidikan tanahair kita.

Akhir sekali, pelancongan. Tahun 1994 kita akan adakan Visit Malaysian Year. Memang patutlah kita belanja lebih sedikit, sebab kalau kita mahu \$10, kita kena invest sekurang-kurangnya \$5, tidak boleh kalau mahu \$10, kita invest \$1 - hendak dapat untung tidak boleh. Jadi, kalau kita mahu duit banyak datang daripada luar negara, masuk menerusi pelancongan, kita mesti invest. Sebab itu, kita akan sokong segala usaha Kerajaan untuk memberikan peruntukan yang tertentu bagi memastikan iaitu pada tahun 1994, 'Tahun Melawat Malaysia' kali kedua akan berjaya, bukan sahaja setakat berjaya tetapi berjaya juga untuk mendatangkan banyak wang ke dalam dana negara kita. Tetapi satulah saya harap, mana-mana juga kita pergi, satu perkara yang banyak, yang disungutkan oleh apa yang dikatakan pelancong-pelancong ini ialah tentang tandas kita.

Walaupun kita pergi ke mana-mana, tandas adalah merupakan satu masalah kepada kita, sungguh memalukan. Banyak benda lain yang baik, yang dialami, yang dirasai oleh pelancong tetapi dalam masa tiga minit, masa yang dia duduk dalam tandas di Malaysia, habis segala kebaikan kita. Sebab, dengan aroma, dengan suasana di dalam tandas itu menyebabkan 'kelabu' habis benda yang baik berkenaan

dengan negara Malaysia. "Ada orang berkata kepada saya, kalau saya tanya kepada tukang restoran: "Mengapa tandas itu kotor dan berbau?" Dia kata: "Encik! tandas tempat buang najis, memanglah kotor dan berbau," inilah jawapan dia. Saya tanya dia: "Pernahkah pergi tandas di hotel?" Tandas di hotel bukan hanya tidak ada bau dan bersih tetapi hendak tidur di situ pun boleh. Kadang-kadang perwakilan perhimpunan agung tidak cukup bilik, dia tidur dalam tandas hotel kita, 'no problem'.

Jadi, bermakna inilah pemikiran yang kata tandas mesti kotor dan berbau', itu tidak betul. Sebab itu saya hendak katakan, pihak penguatkuasaan tempatankah atau apakah, ambil berat sedikit soal tandas ini. Kalau sudah tandas ini merupakan masalah, kita swastakan. Apa salahnya swastakan tandas ini? Sebab, orang-orang kita ini bila dapat tandas free, dia tidak peduli, dia ganyang, dia lanyak di situ, dia buat tidak tahu dah. Dia tidak ambil kisah langsung bahawa itu. selepas ini kalau saya telah gunakan orang lain hendak gunakan juga, dia tidak fikir dah. Kerana apa, kerana free. Sebab itu kita suruh dia bayar. Bila dia bayar, dia akan jaga dengan baik. Sebab. bila hendak buang air kecil, bayar 50 sen. Di Lot 10, hendak buang air kecil bayar 50 sen Itu yang dia buang air kecil baik-baik. Dia tidak merata, sebab 50 sen punya hal ini, kena bayar. Itu sahaja caranya, dan saya mahu ketegasan pihak enforcement malu kita, di mana-mana orang bercakap soal tandas ini. Jadi, menghadapi Tahun Pelancongan ini pastikan pihak penguatkuasaan di seluruh Malaysia yang akan menjadi sasaran pelancong-pelancong kita, pastikan iaitu bahawa tandas mesti bersih

tandas public. Kalau sudah tidak boleh sangat, kita swastakan. Kadangkala kita buat, katalah di Kuala Lumpur ini ada bus stop, ada tempat jual barang, mengapa tidak kalau ada bus stop, kita buat tandas, kita beri kepada orang yang menjaga bus stop itu, yang ada kedai di situ, suruh jaga tandas sama, pastikan tandas bersih, Siapa hendak masuk bayar 20 sen - income, Saya rasa dalam satu tempat di mana ada orang ramai, berniaga tandas ini boleh jadi untung. Sebab kalau ada orang hendak gunakan tandas, dia tidak kira, dia akan bayar, sampai ketikanya dia tidak tahan. Sebab itu saya minta kita swastakan. Kalau penguatkuasaan Kerajaan itupun tidak cukup untuk memastikan kebersihan tandas kita, swastakan apa salahnya, banyak benda yang kita telah swastakan, swasta tandas sekali - apa salahnya. Sekurang-kurangnya dapat juga bagi orang yang diswastakan tandas itu, suruh dia buat satu gerai, biar dia di tepi itu, dia jaga tandas sekali - senang.

Dan yang akhir sekali, mengenai pelancongan ini, kita mesti ingat, pelancong ini datang ke negara kita bukan hendak tengok kawasan-kawasan yang mana Y.A.B. Dr. Mahathir, Perdana Menteri kata iaitu bahawa bangunan indahkah, apakah - tidak. Dia tidak mahu tengok bangunan indah, sebab bangunan indah telah ada di negara mereka, Dia mungkin hendak tengok bangunan lama. Tetapi yang dia datang ke negara kita ialah kerana dia hendak melihat sendiri kecantikan dan keindahan suasana semulajadi yang wujud dalam tanahair kita. Sebab itu tadi Puan Rosalind inipun betul juga dia bercakap tadi. Tasek Kenyir beri \$2.5 juta untuk memotong pokok.

Potong buat apa pokok ini? Duit boleh simpan, jimat. Sebab pokok ini, kalau kita tidak belanjakan untuk memotongnya, kita serahkan kepada orang-orang Lumberjackkah, Loguskah, dengan izin, suruh harvest the trees, dia boleh buat.

Sekarang ini balak dalatn air inipun ada orang hendak, sebab dia kata, balak ini dalam air, ia tahan lama. Jadi, kayunya itu baik, sebab itu. ada orang hendak. Macamana sikap kita, saya tidak tahulah kalau, dia bercakap ini betul, tetapi dia kata 52.5 juta diberikan untuk potong pokok. Potong pokok tidak payah bayar, kita beri kepada orang, ada orang hendak pokok itu. Dan kalau kita boleh pertahankan pokok itu - hendak potong buat apa; sebab inilah, pelancong headak tengok pokok ini. Di negeri mereka sudah tidak ada pokok-pokok hijau, dia hendak datang kemari hendak tengok benda ini. Tetapi kita ini silap.

Kalau di Pulau Langkawi itu, kita tengok bila hendak buat untuk pelancongan, buat hotel batu - semua ini.,Orang bukan datang ke sini hendak duduk dalam hotel batu yang kena bayar wang banyak. Orang hendak tengok kita punya natural resources. Kalau perkampungan di Pulau Langkawi itu biarlah dia macam itu. Orang hendak datang tengok sawah padi, bendang, suasana perkampungan. Ada orang yang hendak buat jalan-jalan dalam hutan, preserve it, ataupun kalau kita hendak bina sekalipun, kita buatlah supaya hotel-hotel, tempat-tempat penginapan ini sesuai dengan suasana yang ada dalam kawasan itu. Ini tidak - saya tengok bangunan macam bangunan yang ada di Eropah sahaja, selepas itu. sebagaimana Y.A.B, Perdana Menteri kata, 'charge' sampai beratus ringgit, mengugut orang, sudah tidak ada tempat lagi hendak duduk, terpaksa juga bayar; tiga ratus

ringgit, tiga ratus ringgitlah - kerana hendak duduk di situ. Janganlah macam itu. Sebab itu, saya juga ingin mengingatkan kepada pihak-pihak yang menjaga hotel, dengarlah apa yang disebutkan oleh Y.A.B. Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita. Jangan tekan orang, sebab bila tekan orang, untungnya sekali sahaja. Mana lebih baik, dapat untung sekali sahajakah ataupun dapat untung walaupun sedikit tetapi sepanjang masa. Ini seharusnya kita fikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahajalah yang saya hendak sumbangkan dalam perdebatan Rang Undang-undang ini. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan menyatakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992)(No.2) bagi tahun 1992. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Azman Atar bin Othman:** Terima kasih. Saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah.

5.29 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan tahun 1991 dan 1992 ini.

Bagi Maksud B.17 mengenai tambahan \$1 juta kepada Kementerian Belia dan Sukan, saya bersetuju meluluskannya kerana untuk menampung perbelanjaan Sukan SUKMA di Johor. Di samping itu, apabila kita melihat dan mengikuti Sukan Olimpik di Barcelona, kita dapati bahawa pasukan sukan kita terlalu jauh ketinggalan dengan ahli-ahli sukan di negara asing di dunia ini. Untuk menaikkan taraf sukan tadi kita telah mendengar daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri mengatakan bantuan daripada rokok boleh menaikkan taraf sukan.

Sudah berbelas tahun iklan rokok ini berkhidmat untuk menolong perkhidmatan sukan kita, tetapi tidak juga naik. Tetapi bila kita melihat negara-negara yang maju di dalam sukan, di negeri China, di Russia, di Belanda. dan juga di Amerika, kita tidak melihat iklan-iklan ini membantu untuk menaikkan taraf sukan. Tiga hari yang lalu dalam kaca TV kita dapat melihat bagaimana negeri China mendidik ahli sukan, mulai daripada kanak-kanak yang berumur empat tahun dan dilasakkannya. Kemudian budak itu mengambil bahagian terus menerus, tidak bekerja lain selain dari sukan. Sehingga besar, sehingga dia berjaya di peringkat antarabangsa, kemudian dia mendapat hasil yang cukup baik dan lumayan dan dia makan hasilnya sehingga tidak habis, walaupun dia telah mati. Jadi, latihan sukan ini hendaklah dibuat supaya setiap orang yang mengambil bahagian sukan ini tidak bekerja separuh masa.

Di negara kita ini, sebabnya sukan tidak berjaya kerana mereka kita ambil daripada buruh-buruh kasar seperti buruh Majlis Perbandaran, buruh Lembaga Air, suruh main tendang bola. Gajinya tidak cukup. Bila dia pergi main pula, bossnya marah. Kemudian pemain-pemain badminton terdiri daripada orang-orang yang bekerja di pejabat juga. Jadi, kerja di pejabat dia hendak kira, dalam keletihan yang amat sangat dia kena pergi ke pejabat balik. Kerjanya tidak siap, bossnya marah. Jadi, kita kena tukar cara supaya Ahli-ahli sukan kita ini dilatih daripada kecil. Dia di latih daripada umur empat tahun seperti di negeri China. Kita tengok hebat, empat tahun sahaja boleh buat lebih baik daripada ahli sukan kita yang berumur 18 tahun. Itulah rahsia kemenangan mereka.



Tentang iklan tadi, kadang-kadang boleh menyebabkan orang benci kepada sukan. Kita hendak tengok TV, kita hendak tengok cerita. Cerita drama Melayu itu kecil sahaja, pendek sahaja ceritanya, Emaknya marah, kemudian dia lari, jumpa jantan lain, lepas itu bila dia telah ditipu oleh jantan itu, dia balik ke rumah emaknya dan minta maaf. Ceritanya pendek. Tetapi iklannya sampai satu setengah jam. Balik-balik keluar Marlborro. Lepas itu keluar balik Dunhill, yang telanjang itu juga yang keluar. Misalannya Negro yang bertelanjang, dia yang lari ke hadapan, separuh mati. Malam tadi kawan saya tengok, katanya "menyampah", balik-balik iklan rokok. Fasal iklan rokok itu, bukan saya benci kerana saya tidak menghisap rokok, saya candu menghisap rokok lebih kuat lagi daripada Yang Berhormat Tuan Dahalan, tetapi bukan fasal iklan itu yang boleh menyebabkan saya menghisap rokok, tetapi iklan itu menyebabkan kadang-kadang kita benci kepada sama ada iklan sukan atau yang lain-lain.

Jadi, saya mintalah, paling penting kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya pasukan sukan kita dilatih daripada kecil sehingga Cua dia meminati sukan dan menjadikan kerjanya dalam bahagian sukan.

Mengenai Maksud B.52 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang meminta membelanjakan wang sebanyak \$2.5 juta untuk rnebang pokok di Tasik Kenyir. Jadi, saya tidak katalah baik, tidak baiknya sebab saya tidak pergi ke tasik itu. Tetapi di dalam bahagian pelancongan, perbelanjaan yang begitu banyak, kalau ada lagi perbelanjaan, saya bersetuju dengan Menteri kita supaya ramai lagi pelancong-pelancong dari luar negeri yang datang rnelihat kesenian, kebudayaan dan segala persejarahan di negara kita untuk

melihat negara kita yang berbentuk asal. Seperti sekarang di negeri Melaka di mana negeri Melaka telah diisytiharkan sebagai Negeri Bandaraya Bersejarah dan negeri Melaka sedang melaksanakan semua hal-ehwal persejarahan melalui berbagai-bagai muzium seperti Muzium Sejarah, Muzium Belia, Muzium Sastra dan Muzium Laut. Jadi, saya harap Kementerian kebudayaan dapat membantu usaha negeri Melaka ini dalam memenuhi segala perkara-perkara yang patut dimasukkan di dalam Muzium ini.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.26 — Kementerian Pendidikan memohon perbelanjaan tambahan sebanyak \$53,495,800 untuk membiayai pra-sekolah dan juga mengkaji segala elaun dan kenaikan gaji pekerja-pekerja dan guru-guru. Tentang pra-sekolah ini, saya lihat bahawa sambutan kepada pra-sekolah yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan dengan pra-sekolah yang dibuat oleh swasta seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat: Hajah Zaleha pada masa yang lalu, yang mengatakan bahawa banyak pra-sekolah yang dibuat oleh ABIM, ARQAM, TASKI dan lain-lain begitu kuat dan maju,

Jadi, kita minta Kementerian supaya mengkaji semula pra-sekolah kita ini, kenapa tidak begitu diminati oleh orang ramai walaupun pra-sekolah yang dibuat oleh swasta itu mahal bayarannya, tetapi orang ingin memasukinya, Kalau kita melihat sebab-sebab orang ingin memasukinya, lalah kerana pra-sekolah yang dibuat oleh swasta ini kebanyakannya menerapkan nilai-nilai Islam seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan kita. Tetapi pra-sekolah yang kita buat, kadang-kadang melupakan pendidikan Islam daripada peringkat rendah. Jadi, saya harap Kementerian Pendidikan dapat mengkaji semula supaya

dapat melihat bagaimana perkembangan pra-sekolah yang dibuat oleh orang lain mendapat sambutan dan kita juga akan berusaha untuk mendapat sambutan daripada pihak orang ramai.

Di samping itu, peruntukan ini diminta oleh Kementerian untuk membantu usaha meningkatkan pendidikan bahasa Inggeris. Oleh sebab begitu banyak bantuan hendak diberi kepada pendidikan bahasa Inggeris, apa halnya dalam meningkatkan bahasa Malaysia. Jadi, kita ini berfikir selalu, selagi bahasa Inggeris ini tidak ada seluruh rakyat pandai bahasa Inggeris, sampai ke peringkat-peringkat kampung, orang kerja sawah dan orang tarik kereta lembu pun mesti pandai berbahasa Inggeris, anak-anak kita pun mesti pandai berbahasa Inggeris, tetapi tidak juga kita menjadi suatu bangsa yang disegani oleh orang lain. Sedangkan orang-orang yang tidak berbahasa Inggeris, kalau orang Republik Rakyat China datang ke sini, dia pun cakap chong makai song si, chak boliau. Tetapi orang tetap segan kepada dia.

Di Russia sana, dia hendak bercakap dengan President Bush, apa dia peduli hendak cakap Inggeris, dia cakap Russia juga. Menggigil semua orang. Jadi, kepala pemimpin kita fikir, Inggerislah yang menjadikan sesuatu bangsa itu tinggi, sedangkan kita baca sejarah, bukan kerana bahasa Inggeris. Negeri Arab bila maju dahulu orang tidak peduli bahasa Inggeris, orang Inggeris yang hendak datang ke Melaka kelmarin kalau tidak tahu tulis jawi dan bercakap "sebermula, hatta, syahadan", dia tidak dapat berundingpun dengan Raja Melaka.

Jadi, kita hendak sibuk sahaja, tidak maju pasal bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris lemah. Jadi, kita sendiri fikir bahasa Inggeris adalah bahasa yang akan memajukan diri kita dalam dunia, Tetapi ramai orang yang berpendidikan bahasa Inggeris tidak juga disegani oleh orang. Ada pemimpin kita bercakap bahasa Inggeris di dunia pun. Kadang-kadang dia tidak dipedulikan. Tetapi di China sana, dia pergi sekejap sahaja. Dia bercakap "Bangsa-bangsa Bersatu terpaksa hormat pada dia." Jadi, janganlah kita fikir bahasa Inggeris itu yaag boleh menentukan kedudukan kita menjadi satu bangsa yang maju.

Kemudian dalam pendidikan juga semua kurikulum di negara kita ini di sekolah-sekolah dalam negara kita selalu tidak mengkaji pelajaran vokasionalnya. Pelajaran vokasional kita ini, kita hendaklah sesuaikan dengan kategori pekerjaan yang dikehendaki oleh semua pembangunan kilang-kilang dan industri yang tumbuh dalam negara kita, Kalau kita buat sekolah vokasional, hendaklah kita semak kilang yang datang ke negara kita ini apakah jenis pekerja yang hendak digunakan oleh kilang-kilang. Jadi, sesuaikanlah kurikulum sekolah vokasional ini bersaraaan dengan kilang-kilang yang hendak didirikan dalam negara kita.

Jadi, apabila mereka keluar daripada sekolah vokasional, mereka

akan dapat pekerjaan yang baik di kilang-kilang yang telah disediakan.

Berhubung dengan Kementerian Luar Negeri, itu 8.51 yang memohon tambahan sebanyak \$3,709,724 untuk menampung kenaikan kadar elaun pegawai dan kakitangan di luar negeri. Saya bersetuju dengan peruntukan ini tetapi semua kedutaan kita di luar negeri dan juga pegawai-pegawai kita di luar negeri, kita tidak mahu mendengar lagi ada kedutaan kita di luar negeri berlagak seperti orang Barat, apabila mengadakan majlis menyediakan jamuan minuman keras, kemudian mengadakan dancing, boleh bertukar-tukar isteri. Jadi, saya harap walaupun kita menjadi duta dan juga pegawai di luar negeri tetapi kita hendaklah menunjukkan segala jenis kebudayaan yang kita terima daripada negara kita kekal di tempat yang kita berkhidmat supaya semua orang-orang yang datang berjumpa kita menghormati kita kerana kita mempunyai peribadi yang baik.

Jadi, oleh sebab saya fikir ucapan ini tidak usah panjang-panjang, saya bersetuju menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1991 dan 1992, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu. Saya dengan rasa rendah diri menyokong Rang Undang-undang yang tersebut di atas.

Sekian. Terima kasih, Tuan Yang di-pertua.

**Tuan Haji Azman Atar bin Othman:** Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

5.45 ptg.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1991 dan 1992, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-raaksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara telah diperkatakan tentang Kementerian Luar Negeri oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia **ini**. Cuma saya ingin menyebut satu perkara sahaja, iaitu jika ada rombongan-rombongan rasmi daripada negara kita ke negara-negara yang baru di luar negeri maka saya harapkan supaya kedutaan kita memberi pertolongan yang lebih daripada biasa yang diberikan kepada mereka di kedutaan negara-negara yang biasa dilawati oleh orang-orang kita supaya kita diberi lebih sedikit perkhidmatan yang agak lebih selesa. Umpamanya, kalau mereka dapat menyediakan atau meminjamkan kereta mereka ataupun jika rombongan itu adalah rombongan dagangan daripada swasta negara kita, maka peruntukan yang agak lebih harus diberikan kepada Kementerian ini supaya duta-duta kita boleh memberi keraian atau meraikan pedagang-pedagang dari negara kita dan juga pedagang-pedagang di negara di mana mereka itu mewakili.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Datuk Haji Ahraad bin Haji Abdullah tadi tentang kegunaan bahasa Inggeris yang disebutkannya supaya tidak

diperkenalkan dengan lebih hebat lagi oleh kerana ianya bukanlah satu bahasa yang boleh memajukan bangsa seperti disebutkan oleh sahabat saya itu. Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mengakui bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa penghantar yang penting di dunia ini, dan di negara kita ini juga ia masih dipergunakan dengan sepenuhnya. Dan diperhatikan bahawa bilangan murid-murid sekolah kita yang dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik amatlah kurang jumlahnya, maka saya bersetujulah supaya peruntukan yang lebih ini diperuntukkan supaya mutu bahasa Inggeris oleh anak-anak kita dapat dipertingkatkan.

Saya perhatikan bahawa pada masa ini, Kementerian Pendidikan memberi peluang yang lebih dan yang khusus kepada pelajar-pelajar di bandar sahaja. Tetapi pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut kita di luar bandar tidaklah mendapat guru-guru yang sebegitu baik seperti guru-guru bahasa Inggeris yang ada di bandar. Maka saya sarankan supaya Kementerian Pendidikan memikirkan perkara ini supaya guru-guru yang berpengalaman luas dihantar ke sekolah-sekolah luar bandar supaya anak-anak kita di kampung-kampung juga dapat meninggikan mutu bahasa Inggeris mereka.

Sejumlah wang yang diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan adalah digunakan untuk asas Ko-kurikulum Baru Sekolah Rendah, terutamanya penghayatan muzik di sekolah-sekolah tersebut. Saya berharap supaya lebih banyak perkakas-perkakas muzik ini yang berupa perkakas-perkakas muzik tradisional diperkenalkan kepada murid-murid ini. Sungguhpun perkakas-perkakas muzik moden itu juga penting

tetapi kita janganlah lupa perkakas-perkakas muzik tradisional juga haruslah diajar kepada murid-murid kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam peruntukan ini sejumlah lebih \$900,000 diperuntukkan untuk sambutan Hari Kebangsaan, Sambutan-sambutan yang lalu, saya perhatikan mendapat sambutan yang baik oleh ramai golongan penduduk kita dan kita harus memuji Kerajaan terhadap kegiatan itu.



Tetapi malangnya ada juga segelintir rakyat kita yang tidak dapat mengikuti sambutan sepenuhnya bagi menyaksikan sambutan sepenuhnya yang diadakan di ibu kota Kuala Lumpur ini. Saya ingin mencadangkan supaya satu tambahan hendaklah ditimbangkan. Pada masa-masa yang lalu, pejuang-pejuang Malayan Union, pejuang-pejuang kemerdekaan dijemput ke Kuala Lumpur untuk turut serta di dalam perhimpunan itu. Tetapi akhir-akhir ini sudah diberhentikan. Ini mungkin keputusan yang betul juga kerana jumlah penduduk kita yang ada bersama memperjuangkan di masa Malayan Union semasa kemerdekaan itu mungkin tidak begitu ramai lagi. Kalau ada pun semuanya sudah diberi peluang untuk menyertai perhimpunan seumpama ini.

Tetapi bagaimana pula penduduk-penduduk kampung yang selepas daripada itu, selepas kemerdekaan ini kalau mereka itu bukan pemimpin di masa Malayan Union, di masa menuntut kemerdekaan, tetapi mereka juga adalah kalau tidak menjadi pemimpin besar, menjadi pemimpin kecil di daerah masing-masing. Maka orang seumpama ini jugalah harus dijemput di dalam perjumpaan perhimpunan seumpama itu. Oleh yang demikian, jika peruntukan ini tidak cukup saya ingin menekankan supaya ianya ditambahkan dan orang-orang seumpama ini dijemput di dalam perhimpunan yang begitu mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat daerah dan di peringkat negeri pun mereka ini diberi keistimewaan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Tetapi sambutan di Kerajaan Negeri cuma setakat jamuan teh dan dapat

mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan dan sebagainya sahaja. Tetapi di peringkat kebangsaan, perhimpunan ini begitu mustahak dan begitu besar ertinya. Oleh itu, kalau boleh saya harap sambutan yang akan diadakan pada hujung bulan ini, peluang ini dapat diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah banyak diperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini terhadap sukan SUKMA terutama tentang permainan hoki final di antara negeri Perak dengan negeri Johor di mana negeri Perak menang. Tetapi keesokan harinya penjaga gol Perak, Mohd. Jaafar Selvarajah telah dipanggil mengadap oleh seorang anak raja dengan tujuan kononnya untuk memberi jamuan. Tetapi nasib tidak baik apabila sarapai ke sebuah rumah, penjaga gol ini dipanggil raasuk ke bilik seorang sahaja, meninggalkan pengurusnya di luar, dan kenalah ditempeleng dan ditendang oleh anak raja seperti yang dilaporkan di dalam akhbar baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang malangnya adalah selepas itu apabila cerita ini diketahui oleh ramai orang di negeri Johor maka kita dengar bahawa ramai pula pemuda-pemuda negeri Johor marahkan pemain-pemain negeri Perak ini dan pada malam itu hendak memukul seraua pemain-pemain negeri Perak. Oleh kerana ketakutan semua pemain-pemain negeri Perak tergesa-gesa terpaksa balik ke negerinya.

Inilah nampaknya pengaruh pimpinan atau pengaruh seorang anak raja terhadap pemain-pemain." Kita berharap perkara ini tidak berlaku lagi. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua saya ingin

bertanya kenapakah Kementerian Belia dan Sukan berdiam diri dan tidak mengeluarkan apa-apa satu kenyataan terhadap masalah ini. Saya sedar bahawa Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan tidak ada di negara kita pada ketika ini dan berada di Barcelona. Tetapi sudah tentu Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen atau sekurang-kurangnya Ketua Pengarah Belia dan Sukan mengeluarkan kenyataan memberitahu kepada rakyat tentang kedudukan sebenarnya.

Perkara ini sungguhpun nampaknya kecil tetapi boleh dikatakan tlap-tiap seorang rakyat di negara ini bercakap tentang masalah ini. Bahkan di akhbar hari-hari pun ada sungutan-sungutan orang ramai. Hari ini di Utusan Malaysia pun ada sungutan di dalam ruangan "Surat Kepada Pengarang" yang merasa kesal terhadap masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin bertanya kepada Kerajaan, kenapakah Kerajaan tidak mahu bertindak dan cuma jawapan yang kita dengar tidak ada laporan dibuat kepada polis atau kepada sesiapa yang berkenaan tentang perkara itu. Kenapakah hendak tunggu penjaga gol ini membuat laporan kepada polis, baru polis hendak mengambil tindakan. Bukankah keadaan biasa jika polis melihat seseorang itu mencuri barang, masa itu juga dia ditangkap, tidak perlu siapa hendak buat report. Serupalah perkara macam ini. Kenapakah pihak polis kita sanggup hendak menunggu dahulu laporan? Sedarkah pihak Kerajaan bahawa jika Mohd. Jaafar Selvarajah ini membuat laporan kepada polis hari ini, kemungkinan besar beliau tidak boleh pergi ke negeri Johor untuk melawat ataupun bersiar-siar dan

sebagainya. Mungkin terjejas kedudukan dia sebagai peribadi.

Maka saya berharap Kerajaan haruslah mengambil berat tentang perkara ini. Ini bukan masalah sukan. Saya dengar ada seorang peraimpin Kerajaan menyatakan bahawa masalah ini adalah masalah sukan maka haruslah diselesaikan oleh persatuan-persatuan sukan yang berkenaan. Memanglah Persatuan Hoki Perak dan Persatuan Hoki Johor sepatutnya berbincang dan menyelesaikan masalah ini. Tetapi ianya boleh dibincangkan jika perkara itu berlaku di padang pada hari itu. Kita harus sedar bahawa perkara ini berlaku sehari selepas permainan itu apabila Johor sudah kalah, Perak menunggu hendak mendapat medal emas, langsung tidak dapat hendak terima. Itu yang pentingnya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan akan mengambil berat tentang perkara ini dan tidaklah menunggu laporan dan sebagainya. Seperti yang saya katakan ianya adalah menjadi rungutan orang ramai pada hari ini, bahkan di dalam Dewan yang mulia ini kita perhatikan boleh dikatakan tiap-tiap Ahli Dewan telah bercakap tentang masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini dan itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Haji Azman Atar bin Othman:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Haji Embong.

6.00 ptg.

**Tuan Ghazali bin Haji Embong:** Bisraillahhir-rahmanir-rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana diberi peluang untuk sama-sama membahas Rang Undang-undang di Dewan Negara yang mulia ini pada kali ini. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta.

Sebenarnya ada beberapa perkara penting yang saya ingin perkatakan di dalam persidangan Dewan kali ini. Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara dasar yang menjadi topik paling hangat pada masa sekarang. Ianya berkait rapat dengan soal pentadbiran negara sekaligus ingin menjayakan dasar Wawasan 2020 yang diketengahkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perkara yang paling utama ialah berhubung dengan perbelanjaan Rancangan Malaysia Keenam (RM6) yang kini telahpun hampir habis. Pada 14hb. Julai lalu Perdana Menteri meminta Kerajaan Negeri dan Pusat berhati-hati kerana perbelanjaan RM6 telahpun mencecah ceiling. Kita menyokong penuh dengan saranan pemimpin negara bahawa hanya projek penting sahaja yang mesti diberikan keutamaan. Projek penting ini berasaskan kepada pendidikan dan kemudahan asas. Untuk tujuan tni saya melahirkan rasa bangga kerana Perdana Menteri bersedia membuat pertimbangan yang wajar terhadap pembesaran Lapangan Terbang Sultan Muhammad Kuala Terengganu. Projek ini dianggap amat mustahak dan bertepatan dengan kemudahan asas yang paling bernilai kepada negeri Terengganu. Ia dijangka memakan belanja sebanyak \$24 juta.. Sehingga kini Lapangan Terbang Sultan Muhammad hanya boleh menampung sedikit sahaja jumlah penerbangan pada setiap hari. Ini kerana Lapangan Terbang yang kecil dan tidak diperbesarkan sejak lama dahulu lagi.

Penerbangan pada hari biasa cuma melibatkan dua kapalterbang Boeing 737 iaitu di waktu pagi dan petang sahaja, Cuma pada hujung minggu, iaitu hari Khamis sahaja ada penerbangan tiga kali sehari. Ini amat mendukacitakan pihak Kerajaan Negeri. Bagaimana negeri Terengganu akan dikunjungi oleh pelancong dari luar jika penerbangan terhad? Oleh itu pertimbangan yang sewajarnya hendaklah diberikan oleh Kerajaan Pusat bagi menampung pembesaran Lapangan Terbang Sultan Muhammad.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong Rang Undang-undang ini, saya hendak menyentuh sedikit mengenai Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya juga ingin mengaitkan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Muhammad, Kuala Trengganu dengan soal, konsep pelancongan dalam negeri Terengganu. Sehingga kini terdapat banyak tempat pelancongan menarik di Terengganu.

Terengganu ada pulau yang boleh dijadikan kawasan pelancongan. Begitu juga dengan kawasan tasik di Empangan Kenyir. Kawasan hutan di Dungun Safari Park, Pulau Redang, Pulau Kapas dan pulau-pulau kecil yang berhampiran dengan pantai. Di bawah Maksud B.22, \$2.5 juta adalah diminta untuk perbelanjaan untuk menebang pokok. Jadi saya dukacita kerana Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon telah memberi bangkangan sebab \$2.5 juta sangat besar untuk dibelanjakan untuk menebang pokok. Jadi saya menyokong juga menebang pokok ini, tetapi mungkin pada orang Terengganu menebang pokok di dalam dasar laut bukan maksud menebang pokok di hutan. Kalau hendak menebang pokok di hutan, tak payah upah saya dulu sekali.

Jadi amat wajarlah, daripada sini saya rasa patut benarlah Kerajaan. Saya sebagai wakil dari negeri Terengganu banyak-banyak berterima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah memberikan peruntukan untuk membersihkan kayu-kayu yang di dalam sungai sebagai macam lautan. Tetapi malangnya baru-baru ini, pada 4hb. bulan ini Kerajaan Pusat telah membayar kepada Kerajaan Kelantan beratus-ratus juta untuk hendak menjalankan kerja empangan di sana iaitu Pergau, tetapi saya rasa tidak dapat satu ucapan terima kasih daripada wakil-wakil PAS dan S.46 di sini. Saya rasa tidak ada satu orang pun berterima kasih kepada Kerajaan yang memberi beratus-ratus juta. Tetapi saya rasa \$2.5 juta ini kecil. Saya rasa saya hendak minta tambah lagi memandangkan Kelantan, sungguhpun diberi beratus-ratus juta, sanggup sekat pula, tidak berterima kasih pula. Jadi kita anak-beranak pun hal perniagaan ini kena kira, kena tambah lagi dan insya Allah, saya berharap Kementerian Kewangan akan timbangkan. Saya juga mengucap ribuan terima kasih kepada Kerajaan dan kepada Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar yang telah memberi peruntukan yang begitu besar kepada Kenyir supaya pelancongan ini dapat diperhebatkan lagi.

Berbalik kepada Lapangan Terbang ini, amat wajar jika Lapangan Terbang ini diperbesarkan supaya kawasan pelancongan dapat dimajukan dengan lebih gigih lagi oleh pengusaha tempatan kemudian. Kini Terengganu dijangka boleh menarik lebih ramai pelancong dari luar sebelum menjelang Tahun Melawat Malaysia 1994. Adalah dijangkakan Kerajaan Negeri akan memperolehi hasil lebih \$600 juta daripada pelancongan bila siapnya kawasan Tasik Kenyir, Pulau Redang dan Dungun Safari Park. Selain daripada hasil minyak yang bernilai \$500 juta, setahun sudah tentu Terengganu akan dapat berdiri

sendiri melalui hasil pelancongan yang besar. Tukaran wang asing yang akan mengalir ke Terengganu dengan lebih baik, akhirnya rakyat juga yang akan memperolehi keuntungan hasil daripada wujudnya konsep pelancongan yang dirancang dengan rapi..

Tuan Yang di-Pertua, saya menyahut dengan ikhlas saranan Perdana Menteri agar setiap negeri mengamalkan kebersihan. Kita semua sedar bahawa amalan kebersihan adalah sebahagian daripada yang dituntut oleh agama Islam dan kini sudah tiba masanya bagi seluruh rakyat menyahut seruan Perdana Menteri. Saya yakin jika kebersihan dijaga, konsep pelancongan/ juga akan ikut menemui kejayaan yang besar. Nampaknya rakyat di seluruh negara sudahpun menyahut seruan Perdana Menteri. Rakyat tidak mahu ketinggalan dalam menjaga kebersihan di peringkat karapung, negeri, dan negara bertepatan pula dengan pepatah "Rakyat Sihat. Negara Maju". Tanpa kebersihan yang baik, sudah tentu negara tidak dapat dibangunkan, dengan lebih teratur,

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya tidak lupa untuk mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana sangat berani membuka mata negara asing, khususnya dari Barat, bila beliau sanggup menanggung risiko yang tinggi semata-mata untuk melihat semangat besar dari negara membangun.



Lihatlah bagaimana negara mampu berdiri sendiri semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil. Tidak ada mana-mana negara membangun yang sanggup menentang Amerika yang dianggap sebagai kuasa besar. Tetapi Malaysia, melalui Dato' Seri Dr Mahathir, telah mampu untuk memperkatakan tentang kegagalan negara barat menjaga hutannya. Kemudian, Perdana Menteri juga berjaya membuka mata negara membangun untuk menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel pada tahun 1998. Tidak ada raana-raana negara membangun yang berani untuk berdepan dengan Australia. Tambahan lagi Australia telah berkempen dengan menggunakan taktik kotor semasa ingin menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel. Malang sungguh bagi Australia, kerana negara itu masih belum mengenali secara lebih dekat dengan Malaysia. Mereka masih belura tahu tentang kejayaan Malaysia untuk dekad sekarang. Mereka juga masih belum mengenali secara mendalam tentang keberanian Perdana Menteri, dan akhirnya Australia tewas di tangan Malaysia dengan undi 40-25.

Sudah tentu kita boleh berbangga dengan kejayaan besar ini. Kita juga berbesar hati dengan keberanian Malaysia di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir. Tanpa Perdana Menteri yang tegas seperti ini, sudah tentu kita akan mengalami kegagalan. Tetapi dengan wujudnya semangat patriotik, negara mampu meraih keputusan gemilang untuk mengadakan Sukan Komanwel secara mutlak pada malam Selasa, 22 Julai lalu di Barcelona, Sepanyol.

Begitulah ucapan saya yang ringkas. Sebelum saya menghabiskan, terlebih dahulu- saya menyokong Rang Undang-undang suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tarabahan bagi perkhidraatan tahun 1991 dan 1992, Terima kasih.

**Tuan Haji Azman Atar bin Othman:** Terima kasih Yang Berhorraat. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin.

6.12 ptg.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya diberi peluang untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) (No.2).

Tuan Yang di-Pertua, tambahan yang diberi kepada Jabatan Perdana Menteri sebanyak \$7,854,200 untuk menampung kekurangan peruntukan bagi Hari Kebangsaan dan juga ke luar negeri serta lawatan rasmi ketua-ketua negara asing ke Malaysia. Apabila kita menyentuh masalah peruntukan bagi perayaan, khasnya perayaan sambutan Hari Kemerdekaan dan pada hari itu dengan sendirinya negara kita diberi cuti umum. Apabila cuti umum, ini diberi kerana raenyambut perayaan, raaka ianya perlu dipergunakan sebaik mungkin bagi menentukan bahawa perayaan itu sebenar-benarnya akan diketahui oleh rakyat keseluruhan bahawa cuti hari itu bagi menyambut bahawa kita terlepas daripada belenggu penjajah.

Oleh sebab yang demikian, saya berharap kepada Kerajaan apabila peruntukan ini telah diluluskan nanti, bahawa peruntukan ini hendaklah dibahagi-bahagikan kepada taraf-taraf tertentu, kepada negeri-negeri tertentu, kepada daerah-daerah tertentu supaya peruntukan ini dapat bagi menyambut hari perayaan itu benar-benar

ianya dipergunakan. Kemungkinan kita tahu bahawa 31 Ogos ini diadakan perayaan besar-besaran di Kuala Lumpur sahaja, di peringkat negeri sudah berkurangan, di peringkat daerah sudah berkurangan. Murid-murid sekolah diberi cuti. Anak-anak yang bercuti ini perlu diberitahu bahawa cuti ini ialah cuti hari perayaan kemerdekaan dan peruntukannya yang akan kita luluskan ini bersabit dengan sambutan itu.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan di sini, kerana saya menekankan peruntukan menyambut perayaan ini begitu banyak, walaupun diberi kepada ketua-ketua negara yang melawat ke Malaysia, tetapi kita mesti faham juga apabila cuti hari perayaan itu diberi, guru-guru di sekolah beritahu murid, cuti ini ialah cuti hari perayaan, kita lepas dari belenggu penjajah dan ingatan ini akan bersinambungan kepada jenerasi-jenerasi yang akan datang.

Tadi saudara saya ada menyatakan masalah ketua negara asing yang membuat lawatan ke sini, taraf dia, Tuan Yang di-Pertua. Ada satu tempat kalau kita pergi, walaupun kita pergi sebagai ketua negara kita, sambutan yang diberi tidak sebagaimana yang kita rancang di negara kita. Ada pepatah orang tua-tua mengatakan: kera di hutan disusukan, anak di riba mati kebuluran. Terlampau sangat kita hendak menjaga Ketua-ketua negara asing ini datang ke sini, sehinggakan kita sendiri pergi ke tempat dia, dia tidak ambil berat sangat. Jangan mengatakan untuk disambut seperti Raja, dibentangkan permaidani merah, tetapi kita hanya disambut sebagai melepaskan batuk di tangga sahaja. Oleh yang demikian, kita perlu kaji di mana negara yang memberi sambutan setaraf dengan kita kepada ketua-ketua

negara, maka itulah negara yang kita iktiraf sama rata dengan pembahagian-pembahagian yang kita akan sediakan. kepada ketua-ketua negara yang datang ke negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Kementerian Belia dan Sukan. Tambahan, sebanyak \$1 juta adalah dikebendaki membiayai perbelanjaan bagi mengendalikan Sukan SUKMA. Saya berasa gembira juga Sukan SUKMA ini diadakan di Johor. Kalau tak ada di Johor tempoh hari, kemungkinan perkara Perak tak berlaku, tetapi tidakkah roereka faham bahawa negara ini negara demokrasi, kita telah merdeka. Adakah beliau yang berkelakuan kurang sopan itu ketinggalan zaman di dalam keadaan yang ada pada hari ini? Kalau kita bertanding, seperti kata Tuan Haji. Nazri, kalau takut kalah, jangan kita bertanding. Kalau kita takut menerima satu-satu keputusan, kita jangan masuk bertanding. Bila kita kalah bertanding, kita panggil orang itu, kita kata sesuatu, kita beri pelempang, kita beri terajang, orang ini masuk hospital.

Saya rasa kalau inilah satu alasan yang kita hendak menang, lebih baik kita suruh yang melempang itu pergi bermain di Barcelona. Suruh dia main hoki, lepas itu lempang orang itu, kita boleh jadi. menang, hari ini kita sudah dapat piala emas (gold medal). Kenapa., ini yang berlaku? Tidakkah kita ini negara yang demokrasi dan merdeka? Tidak terfikirakah masalah-masalah rakyat keseluruhan, apa kata rakyat. Tidak ada Raja, tidak ada rakyat. Tidak ada rakyat, tidak ada Raja. Hormat-menghormati antara satu dengan lain, perlu. Kerana tidak ada hormat, jangan kata esok bahawa rakyat tidak ada budi bahasa. Kita mengikut lenggang, mengikut lenggok. Hari ini kalau kita katakan bahawa ada Akta ataupun Etika Raja, Kerajaan perlu ingat Etika Raja ini. Kerajaan perlu mengambil satu pertimbangan yang wajar. Semua Raja-raja ini kalau menerima Akta ini, semuanya terima. Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan terima, tak ada masalah.

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan jugalah yang menandatangani krisis Perlembagaan dahulu - bagus Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, tidak seperti Raja Johor, anak dialah, bukan Raja Johor yang melempang itu saudaranya, saya tidak tahulah, tetapi katanya kerabat Di-Rajalah dalam akhbar - kalah, lempang. Saya rasa kalau inilah cara pemerintahan, pegawai-pegawai Kerajaanlah yang paling teruk, kita orang parti boleh lari, orang Kerajaan tidak boleh lari, orang Kerajaan bila sudah duduk di Pejabat Tanah misalnya, Raja minta tanah tidak diberi kena pelempang, mana hendak pergi? Kita orang politik boleh cabut, kita tidak ada hal perkara itu semua. Tetapi kalau inilah keadaan pemerintahan, saya tidak tahulah kalau saya bercakap banyak nanti kemungkinan saya juga dicop, tetapi. cop-cop ini sudah biasalah dalam politik....

**Tuan Haji Azman Atar bia Othman:** Cop apa maknanya itu, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad:** Bukan cop di kening, kemungkinan bak kata Yang Berhormat Dato' Azumu tidak boleh pula pergi ke Johor, kalau "bantai" Raja Johor, bukan niat hendak "bantai", hendak ingat mengingati, itu sahaja. Kita manusia, siapa manusia yang tidak buat silap? Siapa manusia yang tidak buat salah, tetapi

kesalahan, kesilapan, boleh kita baiki, sekiranya kita menerima dan sanggup menerima, sanggup memberi. Kita tidak akan timbul masalah.

Dalam Sukan SUKMA hari ini, begitu banyak perbelanjaan yang diberi - \$1 juta oleh Kerajaan Pusat, untuk menimbulkan bakat-bakat sukan diseluruh negara ini, tetapi keputusannya adalah mendukacitakan kita semua, mendukacitakan bakat-bakat yang hendak masuk Sukan SUKMA. Kalau sekiranya tahun hadapan, ditakdirkan buat juga, tetapi tahun hadapan buat di Perak, kalau diadakan di Johor lagi, saya ingat orarig tidak hendak pergi. Apa jadi dengan sukan ini? Apa jadi dengan pemilihan bakal-bakal ataupun bakat-bakat yang akan timbul, tidak hendak lagi orang main, kalau pergi Johor, ah! tidak mahulah, nanti kalah kena 'lempang' pula kita, buat apa kita pergi main. Seraua orang tidak hendak main, macamana? Jadi ini menimbulkan masalah. Jangan dibuatkan satu jurang, kita tidak mahu ada jurang. Oh! di Perak semua kita pergi, di Kelantan separuh pergi, separuh tidak pergi, PAS pergi, Semangat 46 pergi, yang lain tidak pergi, misalnya begitu. Jadi, kita tidak mahu begini, kita hendak sama-sama, jangan kita gunakan kuasa yang ada pada kita itu salah letak atau salah tempat.

Pada hari ini saya sungguh bersukacita dan bangga di atas perkara sukan kerana Yang Berhorraat Senator Annuar Musa berada di Barcelona, kita hanya mendapat Pingat Gangsa dalam Badminton, selepas itu ada komen. Koraen yang kurang menyenangkan saya dalam akhbar ialah laporan daripada Jurulatih, mengatakan kita ini

kurang bersemangat sebab kita cuti, kerana sambutan Piala Thomas, kita cuti satu bulan, itu sebabnya ahli-ahli kita kurang bersemangat. Sebagai seorang Coach, sebagai seorang Jurulatih kelemahan pasukan kita, jangan kita hebahkan dalam akhbar, kita simpan, kalau kita sendiri yang menyuarakan kelemahan kita, seolah-olah kita membukakan pekung di dada kita sendiri. Daripada komen-komen yang datang beginilah, maka rakyat di negara kita ini menyuarakan bahawa harapan kita untuk menjadi johan di dalam pertandingan badminton di Barcelona itu kemungkinan agak susah diperolehi - benar, perkara ini berlaku, tengok Rashid bertanding, macam langit dengan bumi dia punya gap dalam pertandingan itu. Pada masa Piala Thomas dia bermain dengan begitu baik, begitu ceroerlang, tetapi di sana kemungkinan kadang-kadang pemain ini saya juga jaga pemain, dia terlalu sensitif, dia terlalu mudah terasa, dia lebih kurang raacam orang artis juga, macara penyanyi juga, macam orang politik juga, dia sensitif, apa juga perkataan yang dikeluarkan. Walaupun melalui percakapan mulut, walaupun melalui akhbar-akhabr ia akan tersentuh, nalurinya akan tersentuh, oleh sebab itu kita tidak mahu menyuarakan kelemahan, hanya kita boleh bersuara memperbaiki di mana keleraahan-kelemahan tetapi. bukan untuk disebarkan kepada umum.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan hari ini, saya juga berharap dengan peruntukan tambahan sebanyak \$1 juta kepada Sukan SUKMA ini, di lain aspek saya ingin juga menyuarakan supaya Keraenterian Belia dan Sukan ini pandang-pandanglah sedikit di

kawasan luar bandar, di daerah-daerah, jangan kita tumpukan hanya kepada sukan yang tertentu ini ataupun sukan yang besar-besar sahaja diberi bantuan ini. Bila ada Sukan SUKMA di Johor Bahru kita beri ataupun Sukan SUKMA di Perak kita beri, tetapi untuk melahirkan daripada daerah-daerah ini, daripada negeri-negeri ini perlu juga bantuan, Kementerian Kewangan fikirkan juga, rundingkan juga dengan Kementerian Belia dan Sukan supaya peruntukan ini dapat diagih-agihkan dirasai oleh kampung-kampung juga, dirasai oleh desa-desa juga supaya dapat melahirkan sama ada di dalam segi permainan badminton, permainan bolasepak, permainan sepak takraw, permainan itu, permainan ini demi untuk mencukupi, raeraenuhi hasrat Kerajaan memilih, melatih ataupun mengeluarkan bakat-bakat yang boleh menyumbang kepada negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun, tiap-tiap session ataupun tiap-tiap perjumpaan di Dewan Negara ini, kita ada menyuarakan bahawa pegawai-pegawai di Keraenterian, di Jabatan Belia dan Sukan daerah-daerah" tidak mencukupi; tiap-tiap perjumpaan kita suarakan ini, sehingga hari ini masih tidak cukup pegawai di daerah-daerah. Tolong ambil ingatan sedikit, kalau tidak ada duit cakap dengan Kementerian Kewangan minta duit, kalau tidak beri tahun ini, tahun hadapan beri, sudah dua tahun diperkatakan, masih juga tidak dapat dilaksanakan. Apa masalah? Kurang berpelajaran? Apa masalah? Tidak ada rakyat? Apa masalah? Tidak ada orang memohon? Sekurang-kurangnya ada jawapan, tidak ada peruntukan, kenapa \$1 juta



ini boleh keluar; bukan hendak marah, tetapi cakap sahaja marah mana boleh, kitapun wakil Kerajaan tetapi, kalau tiap-tiap tahun kita menyuarkan perkara yang sama, tidak ada tindakan, tidak ada satu yang boleh mendatangkan kegembiraan bagi kita tercakup di sini, sebagai Ahli Dewan Negara, saya rasa susah juga kalau kita bersuara tidak ada tindakan. Lebih baik kalau kita duduk diam di sini, sama juga kita bercakap kalau tindakannya tidak ada, sekurang-kurangnya ada tindakan kalau hendak dua beri satu cukup, ada perubahan. Jadi, ada suara kita di sini, suara di Dewan Negara ini ada, bahawa suara ini dapat didengar oleh seluruh rakyat di negara kita Malaysia ini, bahawa permohonan, permintaan dan perjuangan kita di dalam Dewan ini diterima oleh Kerajaan. Walaupun kita orang kuat Kerajaan, yang kita memperkatakan ini untuk memperbaiki Kerajaan yang kita dukung bersama.

Jadi, saya berharap sangat bahawa Kementerian Belia dan Sukan tolong pandang perkara ini: cukupkanlah pegawai, banyak kelab-kelab belia di daerah-daerah, kalau di tempat saya sahaja adas 40 MAYC, 4B saya tidak tahu berapa, Hindu Youthnya tidak tahu berapa, Tamil Belinya tidak tahu berapa, tetapi dikawal oleh seorang pegawai belia dan seorang kerani, bagaimana hendak buat kerja. Selepas itu, katalah belia ini tidak hidup, belia itu tidak maju. Pegawai itu macam orang lumpuh, tidak dapat hendak jalan, hendak pergi sini kena panggil, hendak pergi sini kena panggil, ke sana kena panggil. Masalah ini timbul. Selepas itu pejabat sekejap pindah sana, sekejap pindah sini. Jadi, masalah ini, Kementerian Belia dan Sukan

dan Yang Berhormat Senator Annuar Musa selaku Menteri Belia dan Sukan 'tolong' ambil ingatan, kalau tidak kata 'tolong' nanti dikata saya kasar sangat. Begitu juga dengan peringkat negeri. Saya tidak tahu di peringkat Pusat kerana saya jarang pergi ke Kementerian Belia dan Sukan. Walau bagaimanapun, apa yang saya katakan ini adalah bukti-bukti yang jelas dan nyata dan saya boleh berdiri di atas kenyataan saya.

**Tuan Haji Arman Atar bin Othman:** Yang Berhormat boleh menyambung ucapan Yang Berhormat pada hari Isnin, 10hb. Ogos, 1992.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Sudah setengah jam. Terima kasih.

**Tuan Haji Arman Atar bin Othman:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa sudah cukup, maka saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga 10hb Ogos, 1992 bersamaan hari Isnin jam 2.30 petang.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**